

Pengeluaran Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard (“Kad-i”) oleh Bank Simpanan Nasional yang merangkumi penganti dalam hakmilik dan penerima serah haknya (“BSN”) kepada individu yang dinamakan pada Kad-i (“Ahli Kad”) dan penggunaan Kad-i hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat berikut (“Terma dan Syarat”) yang hendaklah mengikat Ahli Kad dengan serta merta atas permohonan Kad-i dan pengakuan penerimaan dan/atau penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad.

**1. DEFINISI**

1.1 Dalam Perjanjian, tertakluk kepada kesesuaian konteks, ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan:-

No.	Terma	Definisi
(a)	“Akaun Kad-i”	Bermaksud akaun Ahli Kad yang diselenggarakan di BSN menurut Perjanjian ini.
(b)	“Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad”	Bermaksud akaun perbankan lain yang dimiliki Ahli Kad bersama BSN selain daripada Akaun Kad-i dan termasuk akaun bersama Ahli Kad dengan pihak ketiga.
(c)	“ATM”	Bermaksud mesin teler automatik.
(d)	“Bank-Bank Ahli”	Bermaksud bank-bank dan institusi kewangan yang menjadi ahli Mastercard Worldwide and Visa International di mana BSN adalah ahli.
(e)	“Baki Tertunggak”	Bermaksud amaun penuh yang tertunggak yang ditunjukkan dalam Penyata yang dikenakan, didahulukan atau ditanggung hasil daripada penggunaan Kad-i.
(f)	“Barangan dan Perkhidmatan Halal”	Bermaksud barangan dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah.
(g)	“Borang Permohonan”	Bermaksud borang yang ditandatangani dan diserahkan oleh Ahli Kad kepada BSN semasa memohon Kad-i.
(h)	“BSN”	Bermaksud Bank Simpanan Nasional badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974, yang mempunyai ibu pejabat di Wisma BSN, 117 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
(i)	“Caj Keuntungan Sebenar”	Bermaksud keuntungan yang dikenakan ke atas Had Kemudahan yang digunakan untuk transaksi runcit atau transaksi pendahuluan tunai yang tidak diselesaikan selepas tamat tarikh akhir tempoh pembayaran dan akan dikira mulai dari tarikh transaksi diposkan sehingga pembayaran penuh diterima.
(j)	“Had Kemudahan”	Bermaksud had yang ditentukan dan/atau dibenarkan oleh BSN dari semasa ke semasa kepada Ahli Kad di mana had boleh diubah oleh BSN dari semasa ke semasa dengan memberi notis yang mencukupi terlebih dahulu kepada Ahli Kad sebelum tarikh kuatkuasa perubahan.
(k)	“Harga Belian Bank”	Bermaksud jumlah yang perlu dibayar atau dibayar oleh BSN kepada Penjual Komoditi untuk Komoditi yang setara dengan Had Kemudahan untuk Kad-i.
(l)	“Harga Jualan Bank”	Bermaksud harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada BSN yang merangkumi Harga Belian Bank dan keuntungan BSN [Kos Komoditi (Had Kemudahan) + Kadar Keuntungan yang Dipersetujui].
(m)	“Hari Bekerja”	Bermaksud suatu hari Perniagaan (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan

		Cuti Umum) di mana BSN dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.																				
(n)	“Hari Kalendar”	Bermaksud mana-mana hari dalam bulan kalendar Gregorian termasuk hujung minggu dan cuti umum.																				
(o)	“Kad-i”	<p>Bermaksud semua Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard yang dikeluarkan oleh BSN kepada Ahli Kad yang termasuk sebarang nama lain, logo dan/atau tanda dagangan yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa, melainkan dinyatakan sebaliknya dan termasuk kad-i tambahan di mana konteks membenarkan.</p> <p>Jenis-jenis Kad-i seperti dibawah:</p> <table border="1"> <tr> <th colspan="2">KAD KREDIT CORE AL-AIMAN</th> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Klasik</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Emas</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Platinum</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas</td> <td></td> </tr> <tr> <th colspan="2">KAD KREDIT CO-BRAND AL-AIMAN</th> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Mastercard Emas</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Emas/Platinum</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN G-Card Al- Aiman Visa</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas</td> <td></td> </tr> </table>	KAD KREDIT CORE AL-AIMAN		Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Klasik		Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Emas		Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Platinum		Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas		KAD KREDIT CO-BRAND AL-AIMAN		Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Mastercard Emas		Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Emas/Platinum		Kad Kredit BSN G-Card Al- Aiman Visa		Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas	
KAD KREDIT CORE AL-AIMAN																						
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Klasik																						
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Emas																						
Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Platinum																						
Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas																						
KAD KREDIT CO-BRAND AL-AIMAN																						
Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Mastercard Emas																						
Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Emas/Platinum																						
Kad Kredit BSN G-Card Al- Aiman Visa																						
Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas																						
(p)	“Kadar Keuntungan yang Dipersetujui”	Bermaksud kadar yang digunakan untuk mengira jumlah keuntungan Harga Jualan Bank.																				
(q)	“Kejadian Force Majeure”	Bermaksud kejadian yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan atau ketidakaktifan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau tempatan atau sebarang mogok, boikot, sekatan, bencana alam, gangguan awam atau sebab yang di luar kawalan Bank.																				
(r)	“Komoditi”	Bermaksud sebarang komoditi yang diperdagangkan di mana-mana platform perdagangan yang diluluskan oleh BSN (tidak termasuk emas dan perak) atau sebarang aset komoditi lain dengan syarat komoditi atau aset tersebut boleh diterima oleh Bank.																				
(s)	“Laman Sesawang BSN”	Bermaksud <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> atau laman sesawang lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa yang akan dimaklumkan dengan memberi notis yang mencukupi kepada Ahli Kad;																				
(t)	“Matawang Bil”	Bermaksud matawang bil dalam Ringgit Malaysia termasuk singkatannya “RM”.																				
(u)	“Murabahah”	<i>Murabahah</i> merujuk kepada jual beli aset di mana kos perolehan dan markah keuntungan didedahkan kepada pembeli.																				
(v)	“Nombor Akaun Kad-i”	Bermaksud nombor akaun yang telah ditentukan oleh BSN dan dicetak pada Kad-i.																				
(w)	“Pembaca Tanpa Sentuh”	Bermaksud pembaca Kad-i yang selamat digunakan yang terletak di terminal POS di mana pembelian Visa payWave boleh dibuat.																				
(x)	“Pembeli Komoditi”	Bermaksud pihak selain daripada Penjual Komoditi yang mana BSN akan menjual Komoditi bagi pihak Ahli Kad.																				
(y)	“Ahli Kad”	Bermaksud individu kepada siapa Kad-i dikeluarkan dan namanya dicetak pada Kad-i dan tandatangannya diturunkan di atasnya sebagai pengguna yang dibenarkan, dan turut termasuk “Ahli Kad Tambahan”, di mana konteks membenarkan dan hendaklah																				

		termasuk waris masing-masing, wakil peribadi dan pewaris hak milik.
(z)	"Ahli Kad Tambahan"	Bermaksud mana-mana individu yang dinamakan dan diberi kuasa oleh Ahli Kad untuk menggunakan kad-i tambahan dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini.
(aa)	"Penjual Komoditi"	Bermaksud mana-mana pihak ketiga yang menjual Komoditi kepada BSN pada Harga Belian Bank yang setara dengan Had Kemudahan untuk Kad-i.
(bb)	"Perjanjian ini"	Bermaksud perjanjian antara Ahli Kad dan BSN di mana Kad-i dikeluarkan kepada Ahli Kad oleh BSN tertakluk kepada terma dan syarat dalam Perjanjian ini dan termasuk juga terma dan syarat yang terkandung dalam Borang Permohonan Kad-i yang ditandatangani dan diserahkan oleh Ahli Kad kepada BSN apabila memohon pengeluaran Kad-i dan sebarang terma dan syarat yang ditambah dan/atau dipinda dari semasa ke semasa.
(cc)	"Penyata"	Bermaksud Penyata berkala yang dikeluarkan oleh BSN dari semasa ke semasa kepada Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan berkenaan dengan Akaun Kad-i yang menunjukkan transaksi yang dibuat oleh Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan antara lain jumlah yang dikenakan, didahulukan atau ditanggung, jumlah minimum yang perlu dibayar dan Tarikh Akhir Pembayaran.
(dd)	"PIN"	Bermaksud nombor pengenalan peribadi kepunyaan Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan (jika ada).
(ee)	"POS"	Bermaksud terminal tempat jualan yang membenarkan pendebitan Akaun Kad-i untuk transaksi pembelian di rangkaian Rakan Niaga Yang Dibenarkan.
(ff)	"Platform Perdagangan Komoditi"	Bermaksud platform berasaskan web elektronik untuk perdagangan Komoditi.
(gg)	"Rakan Niaga Yang Dibenarkan"	Bermaksud mana-mana peruncit atau mana-mana orang, firma atau perbadanan lain yang selaras dengan perjanjian rakan niaga bersetuju menerima atau menyebabkan rangkaianannya menerima Kad-i apabila dikemukakan dengan teratur.
(hh)	"Tarikh Akhir Pembayaran"	Bermaksud tarikh yang dinyatakan dalam Penyata Kad-i di mana pembayaran minimum yang perlu dibayar atau jumlah yang dinyatakan perlu dibayar.
(ii)	"Tawarruq"	Bermaksud kontrak yang terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Kemudian, pembeli dari jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.
(jj)	" <i>Ta'widh</i> "	Bermaksud <i>Ta'widh</i> (ganti rugi) yang dirujuk dalam Klausa 19.
(kk)	"Tempoh Bebas Caj Keuntungan"	Bermaksud tempoh dari tarikh pengeposan transaksi runcit baru yang dicaj ke Akaun Kad-i hingga Tarikh Akhir Pembayaran dalam Penyata Akaun tertentu dan hanya terpakai kepada transaksi runcit baru seperti yang dinyatakan.
(ll)	"Transaksi Tanpa Sentuh"	Bermaksud transaksi yang dibuat oleh Ahli Kad dengan memegang Kad-i di hadapan Pembaca Tanpa Sentuh dan tanpa perlu memasukkan atau meleretkan Kad-i.
(mm)	" <i>Ujrah</i> "	Bermaksud pembayaran yuran sebagai balasan kepada perkhidmatan yang disediakan dan juga manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan.
(nn)	" <i>Wakalah</i> "	Merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal,

		memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.
(oo)	“Yuran Penggantian Kad-i”	Bermaksud bayaran yang harus dibayar oleh Ahli Kad untuk penggantian suatu Kad-i.

## 2. TAFSIRAN

- 2.1 Perkataan yang membawa maksud tunggal merangkumi majmuk.
- 2.2 Perkataan yang membawa maksud jantina maskulin merangkumi jantina feminin dan neuter.
- 2.3 Untuk pengiraan mana-mana tempoh masa atau apabila sesuatu perbuatan yang dikehendaki dilakukan dalam suatu tempoh masa yang ditentukan dari tarikh tertentu yang dinyatakan dalam tempoh tersebut, masa mula dikira dari tarikh yang dinyatakan.

## 3. MAKLUMAT AM KAD-i

- 3.1 Selain daripada Had Kemudahan yang diperoleh di bawah Tawarruq, Ahli Kad berhak kepada keistimewaan dan Perkhidmatan bagi penggunaan Kad-i. Perkhidmatan adalah termasuk manfaat, keistimewaan dan tawaran nilai tambah lain yang diberikan oleh BSN seperti yang ditentukan oleh BSN.
- 3.2 Had Kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad menggunakan konsep Tawarruq, di mana BSN akan menyediakan jumlah sehingga had yang ditetapkan kepada Ahli Kad dan Ahli Kad akan terikat untuk membayar jumlah yang setara kepada BSN serta keuntungan BSN (jika ada) mengikut harga jualan komoditi.
- 3.3 Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa tempoh sah Kad-i adalah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh BSN. BSN boleh memperbaharui atau melanjutkan tempoh sah Kad-i tersebut bagi sebarang tempoh lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh BSN. Sekiranya Perkhidmatan tidak dilanjutkan oleh BSN, maka Perkhidmatan yang tersedia hendaklah diberhentikan pada tarikh luput yang dinyatakan dan mana-mana jumlah yang terhutang di bawah Perkhidmatan dan Perjanjian ini sehingga pada tarikh luput dan/atau penamatan Kad-i tersebut hendaklah dibayar secara penuh. Perkhidmatan ini juga tertakluk kepada semakan berkala oleh BSN dan mana-mana jumlah yang terhutang di bawah Perjanjian ini hendaklah dibayar apabila dituntut.
- 3.4 Selain daripada yang dinyatakan di atas, Ahli Kad bersetuju bahawa Kad-i dikeluarkan untuk kegunaan berkaitan dengan perkhidmatan yang dinyatakan di bawah (“Perkhidmatan”) yang disediakan oleh BSN dari semasa ke semasa dalam lingkungan Had Kemudahan, semasa tempoh sah Kad-i (termasuk sebarang tempoh pembaharuan atau lanjutan tempoh sah):-
  - (a) untuk memudahkan pembelian barangan dan/atau Perkhidmatan Halal daripada Rakan Niaga Yang Dibenarkan; dan/atau
  - (b) untuk memudahkan pendahuluan tunai seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 15; dan/atau
  - (c) untuk memudahkan pengendalian pelbagai akaun perbankan yang dibuka untuk Ahli Kad selaras dengan penggunaan Kad-i; dan/atau
  - (d) untuk memudahkan Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan 0% *EasyPay* BSN dan sebarang program atau Perkhidmatan lain yang disediakan oleh BSN dari semasa ke semasa; dan/atau
  - (e) kemudahan lain, seperti yang dipersetujui secara bertulis oleh BSN.
- 3.5 Walau apa pun Perkhidmatan yang dinyatakan seperti dalam Klausula 3.4, BSN mempunyai hak untuk menghentikan, mengganti atau melanjutkan Perkhidmatan tambahan, manfaat dan keistimewaan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis tujuh (7) hari bekerja dahulu kepada Ahli Kad.
- 3.6 BSN boleh mengenakan yuran (*Ujrah*) untuk Perkhidmatan yang dinyatakan dengan

mendedahkan senarai yuran seperti yang dinyatakan di bawah Klausu 20.

- 3.7 Ahli Kad juga bersetuju dan berakujanji bahawa Kad-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan dalam talian, pertaruhan atau perjudian yang tidak sah di sisi undang-undang. BSN berhak untuk menamatkan Kad-i dengan serta-merta tanpa notis atau liabiliti kepada Ahli Kad sekiranya Kad-i didapati digunakan bagi sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

#### 4. MEKANISME KEMUDAHAN

- 4.1 Di bawah konsep Syariah *Tawarruq*, BSN menawarkan Kemudahan Kad-i dan menyediakan Had Kemudahan yang ditetapkan kepada Ahli Kad dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:-

(a) Pembelian Komoditi oleh Ahli Kad daripada BSN

Selaras dengan pelantikan BSN sebagai Ejen Pembelian di mana Ahli Kad melantik BSN sebagai ejennya untuk membeli Komoditi daripada BSN pada Harga Jualan Bank yang dipersetujui, BSN akan melaksanakan transaksi *Murabahah* dengan Ahli Kad di mana Ahli Kad hendaklah membayar Harga Jualan Bank secara tangguh.

(b) Penjualan Komoditi oleh Ahli Kad melalui BSN sebagai ejennya

Selaras dengan pelantikan BSN sebagai Ejen Penjualan di mana Ahli Kad melantik BSN sebagai ejennya untuk menjual Komoditi bagi tujuan mendapatkan hasil jualan, BSN akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi secara tunai dan serta-merta. Hasil daripada jualan Komoditi tersebut hendaklah bersamaan dengan jumlah Had Kemudahan yang ditetapkan dalam Akaun Kad-i.

(c) Had Kemudahan yang Tersedia dalam Akaun Kad-i

Hasil jualan seperti yang dinyatakan dalam Klausu 4.1(b) merupakan Had Kemudahan dan akan tersedia dalam Akaun Kad-i adalah mengikut prinsip Syariah *Dayn* (hutang) dan boleh digunakan oleh Ahli Kad pada bila-bila masa setelah Kad-i diaktifkan. Ahli Kad boleh mengakses Had Kemudahan yang tersedia dalam Akaun Kad-i secara berulang kali sehingga tarikh luput tempoh sah Kad-i, atau sehingga mana-mana bahagian Had Kemudahan yang tidak digunakan ditolak-selesai (*netted-off*) apabila berlakunya sebarang situasi seperti yang dinyatakan dalam Klausu 4.1(g).

(d) Pengesahan Transaksi

Ahli Kad boleh memohon kepada BSN untuk mengeluarkan Pengesahan Transaksi setelah selesai penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi.

(e) Penghantaran Komoditi

Ahli Kad berhak untuk mengambil penghantaran Komoditi yang dibeli dengan permintaan yang jelas. Ahli Kad mesti menanggung semua kos dan perbelanjaan yang terlibat bagi penghantaran dan pemindahan pemilikan seterusnya.

(f) Pembaharuan Kad dan Perubahan Had Kemudahan

Selaras dengan pelantikan BSN sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Jualan Komoditi oleh Ahli Kad, BSN hendaklah melaksanakan semua tindakan bagi pihak Ahli Kad untuk membeli Komoditi daripada BSN pada Harga Jualan Bank yang dipersetujui dan menjual Komoditi tersebut kepada mana-mana pembeli pihak ketiga lain untuk tujuan menyediakan kemudahan Kad Kredit-i kepada Ahli Kad sebelum pembaharuan atau peningkatan Had Kemudahan Kad-i.

(g) Penolakan selesai (Netting-off) Baki Had Kemudahan yang Tidak Digunakan

BSN akan melaksanakan penolakan selesai (*Muqasah*) ke atas mana-mana baki Had Kemudahan yang tidak digunakan dengan Harga Jualan Bank semasa pembaharuan Kad-i, atau semasa peningkatan atau pengurangan Had Kemudahan Kad-i, atau semasa penyelesaian dan penamatan Kad-i sebelum tamat tempoh sah Kad-i.

(h) *Ibra'* (rebat)

BSN boleh memberikan *Ibra'* (rebat) ke atas mana-mana bahagian keuntungan daripada Harga Jualan Bank kepada Ahli Kad sekiranya berlakunya peningkatan atau pengurangan Had Kemudahan, penyelesaian atau penamatan Kad-i.

## **5. AGENSI**

- 5.1 Pelantikan BSN sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan untuk Ahli Kad akan berdasarkan kontrak Wakalah.
- 5.2 Pelantikan BSN sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan untuk Ahli Kad adalah secara tanpa sebarang syarat dan tidak boleh dibatalkan. BSN, sebagai ejen Ahli Kad, akan bertindak bagi pihak Ahli Kad untuk memuktamadkan pembelian Komoditi daripada BSN dan bertindak bagi pihak Ahli Kad untuk memuktamadkan penjualan Komoditi oleh Ahli Kad kepada Pembeli Komoditi.
- 5.3 Pelantikan ejen akan berkuat kuasa mulai tarikh Had Kemudahan yang diluluskan, dan akan terus terpakai serta memadai bagi sebarang pembaharuan atau perubahan ke atas had Kad-i. Pelantikan ini akan dianggap lengkap setelah BSN melaksanakan segala tugas dan tanggungjawabnya sebagai ejen Ahli Kad, sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- 5.4 BSN dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan dan menyerahkan sebarang dokumen atau instrumen yang dianggap perlu oleh BSN untuk pelaksanaan obligasinya berkaitan dengan perkara yang dinyatakan dalam Klausula 4.
- 5.5 Tanpa prejudis kepada keluasan Klausula 5, Ahli Kad bersetuju bahawa di bawah pengaturannya antara BSN dengan Pembeli Komoditi atau mana-mana pembeli lain atau pihak ketiga, BSN mungkin dikehendaki untuk (dan Ahli Kad bersetuju bahawa BSN dibenarkan) mendedahkan bahawa ia bertindak sebagai ejen Ahli Kad dan menamakan Ahli Kad sebagai prinsipalnya.
- 5.6 Ahli Kad bersetuju untuk membuka dan mengekalkan satu atau lebih akaun dengan BSN di mana BSN diberi kuasa untuk mengendalikannya bagi pihak Ahli Kad (jika berkenaan).
- 5.7 BSN mengesahkan bahawa hasil daripada penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i dalam bentuk Had Kemudahan yang diluluskan dan Ahli Kad hendaklah melaksanakan/memenuhi semua peruntukan yang diperlukan di bawah Perjanjian ini.
- 5.8 Berkaitan dengan kuasa, budi bicara, hak kekuasaan dan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini, BSN akan bertindak semata-mata sebagai ejen Ahli Kad dalam kapasiti terhad (iaitu sebagai ejen secara perjanjian demi perjanjian) setakat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini dan hendaklah tidak dianggap sebagai ejen bagi Ahli Kad dalam apa jua perkara yang lain.
- 5.9 Sebarang perbelanjaan, yuran dan komisen yang belum ditentukan dan dibilkan kepada BSN oleh Pembeli Komoditi pada masa Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar Harga Jualan Bank, maka perbelanjaan, yuran dan komisen tersebut akan menjadi perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada BSN selepas BSN menerima invoice yang sesuai daripada Pembeli Komoditi, jika relevan, dan selepas BSN menyediakan invoice yang sesuai kepada Ahli Kad.

## **6. PEMBAYARAN KEMUDAHAN**

- 6.1 Harga Jualan Bank atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar hendaklah dibayar oleh Ahli Kad mengikut Penyata Kad-i yang dikeluarkan oleh BSN pada Tarikh Akhir Pembayaran atau dalam jumlah lain seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad-i tersebut. Jumlah yang dinyatakan dalam Penyata Kad-i yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada BSN, jika tiada kesilapan nyata, akan menjadi bukti muktamad bahawa jumlah tersebut adalah perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada BSN di bawah Terma dan Syarat ini.
- 6.2 Walau apa pun peruntukan Klausula 6.1, setelah menerima Penyata Kad-i, Ahli Kad hendaklah membuat pembayaran kepada BSN jumlah minimum yang perlu dibayar atau baki tertunggak pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Kad-i.
- 6.3 Semua pembayaran kepada BSN mesti dibuat dalam Matawang Bil. Pembayaran oleh Ahli Kad kepada BSN tidak akan dianggap dibuat sehingga bayaran tersebut diterima nilainya oleh BSN. Semua pembayaran melalui cek hendaklah disertakan dengan Komisen Pertukaran Dalam Negeri jika berkenaan. Kegagalan untuk memasukkan komisen tersebut membolehkan BSN mendebit Akaun Kad-i atau menggunakan haknya untuk menolak selesai sebagaimana yang dianggap sesuai oleh BSN.
- 6.4 Pembayaran bagi penggunaan Had Kemudahan yang diterima oleh BSN daripada Ahli Kad akan

menaikkan kembali Had Kemudahan dan akan dianggap sebagai *Wadi'ah* (Amanah).

- 6.5 Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini, BSN berhak untuk menggunakan semua atau mana-mana pembayaran tersebut dengan cara lain untuk menyelesaikan jumlah yang masih belum dibayar di bawah Kad-i.

## **7. PENERIMAAN KAD-i**

- 7.1 Sebagai pertimbangan atas BSN mengeluarkan Kad-i kepada Ahli Kad dan mana-mana kad-i tambahan kepada Ahli Kad Tambahan, di mana Kad-i hendaklah ditandatangani oleh Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan dengan serta-merta apabila ianya diterima, Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini dan mana-mana terma dan syarat lain yang boleh dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa dengan memberikan Ahli Kad notis dua puluh satu (21) Hari Kalendar terlebih dahulu.
- 7.2 Penggunaan Kad-i sebagai cara pembayaran adalah terhad kepada Ahli Kad yang kepadanya Kad-i itu dikeluarkan untuk digunakan di Rakan Niaga Yang Dibenarkan, ATM dan Bank-Bank Ahli.
- 7.3 Ahli Kad tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad-i dan tidak boleh memindah atau pun melepaskan kawalan atau pemilikan Kad-i atau menggunakannya bagi sebarang tujuan yang tidak dibenarkan oleh BSN.
- 7.4 Sekiranya BSN mendapati bahawa mana-mana perkara di atas seperti yang dinyatakan dalam Klausa 7.3 telah berlaku, Ahli Kad bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya dan bertanggung ke atas semua transaksi yang dilakukan melalui penggunaan Kad-i sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kuasa Ahli Kad dan hendaklah menanggung rugi dan terus menanggung rugi BSN sepenuhnya terhadap semua kerugian berbangkit, perbelanjaan atau tuntutan yang ditanggung oleh BSN akibat daripadanya.
- 7.5 Kad-i tidak boleh dipindah milik dan mesti digunakan secara eksklusif oleh Ahli Kad. Kad-i tidak boleh dicagar oleh Ahli Kad sebagai sekuriti untuk sebarang jua tujuan sekalipun.
- 7.6 Ahli Kad boleh pada bila-bila masa menamatkan penggunaan Kad-i melalui notis bertulis kepada BSN dan dengan mengembalikan kepada BSN, Kad-i yang dipotong dua di bahagian jalur magnetik dan cip. Ahli Kad akan dan terus bertanggung untuk semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i sebelum BSN menerima notis bertulis berkenaan penamatan tersebut dan Kad-i yang dipotong dua.
- 7.7 Penggunaan Kad-i juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan semasa BSN dan semua terma, syarat dan peraturan lain yang mempengaruhi Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad termasuk sebarang peraturan-peraturan kawalan pertukaran wang Bank Negara Malaysia. Ahli Kad hendaklah pada setiap masa mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai berkenaan penggunaan Kad-i dan tanpa prejudis kepada keluasan peruntukan yang dinyatakan, Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa ia mematuhi segala peraturan kawalan pertukaran wang asing Bank Negara Malaysia dan tidak menggunakan Kad-i tersebut untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perjudian/pertaruhan tidak sah secara "dalam talian".

## **8. KAD-i TAMBAHAN**

- 8.1 Atas permintaan Ahli Kad, BSN berhak mengeluarkan kad-i tambahan mengikut budi bicara bagi digunakan oleh mana-mana orang lain yang dinamakan oleh Ahli Kad sebagai Ahli Kad Tambahan dan diluluskan oleh BSN dengan syarat penggunaan kad-i tambahan oleh Ahli Kad Tambahan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang sama dalam Perjanjian ini. Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Ahli Kad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Ahli Kad Tambahan mematuhi segala terma, syarat dan obligasi yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- 8.2 Selepas penamatan penggunaan Kad-i di bawah sebarang keadaan atau atas permintaan Ahli Kad, penggunaan semua kad-i tambahan juga akan ditamatkan. Penamatan penggunaan kad-i tambahan tidak akan menamatkan penggunaan Kad-i Ahli Utama dengan syarat pembayaran penuh dibuat atas Baki Tertunggak kad-i tambahan dan Ahli Kad hendaklah pada atau sebelum tarikh akhir yang ditetapkan, membayar tidak kurang dari bayaran minimum yang dinyatakan

untuk Akaun Kad-i.

- 8.3 Walaupun kad-i tambahan mempunyai Nombor Akaun Kad-i yang berbeza dan Penyata berasingan mungkin dikeluarkan kepada Ahli Kad Tambahan, Ahli Kad Utama akan bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan kepada BSN atas penggunaan Kad-i dan kad-i tambahan, termasuk semua jumlah yang berpunca daripada penggunaan Kad-i dan kad-i tambahan.
- 8.4 Semua Terma dan Syarat yang digunakan dalam Perjanjian ini, ke atas Ahli Kad hendaklah digunakan *mutatis mutandis* (dengan perubahan yang perlu) ke atas Ahli Kad Tambahan, dan untuk tujuan itu istilah "Ahli Kad" dan "Kad-i" akan dibaca dan ditaksirkan seolah-olah istilah-istilah "Ahli Kad Tambahan" dan "kad-i tambahan" digantikan padanya.

## **9. PEMILIHAN/PENGELUARAN NOMBOR PENGENALAN PERIBADI (PIN)**

- 9.1 Apabila Ahli Kad menerima Kad-i baharu atau Kad-i gantian, Ahli Kad dikehendaki untuk mengaktifkan Kad-i dan menetapkan PIN pilihan. PIN boleh ditetapkan melalui Perbankan Internet myBSN atau di mana-mana cawangan BSN. Arahan mengenai pemilihan PIN boleh didapati di mailer Kad-i.
- 9.2 Ahli Kad boleh menukar PIN pada bila-bila masa. Ianya boleh dilakukan melalui Perbankan Internet myBSN, ATM BSN atau di cawangan BSN.
- 9.3 Ahli Kad adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan PIN tersebut dan ianya tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam sebarang keadaan atau disimpan dalam bentuk yang mudah diakses oleh orang lain.

## **10. TRANSAKSI DI TERMINAL POS**

- 10.1 Ahli Kad dikehendaki untuk mengesahkan pembelian di rangkaian Rakan Niaga Yang Dibenarkan di dalam Malaysia menggunakan 6-digit PIN di terminal POS.
  - (a) Peniaga akan memasukkan Kad-i ke dalam pembaca Kad-i pada peranti terminal POS dan memasukkan jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad.
  - (b) Terminal POS akan meminta 6-digit PIN Ahli Kad.
  - (c) Ahli Kad perlu memasukkan PIN pada terminal POS untuk meneruskan pembelian.
  - (d) Peniaga boleh menyerahkan satu salinan deraf jualan sebagai bukti pembelian bersama-sama dengan Kad-i kepada Ahli Kad.
- 10.2 Ahli Kad hendaklah memastikan bahawa jumlah transaksi adalah tepat sebelum menandatangani sebarang deraf jualan atau rekod transaksi yang diberikan oleh peniaga atau institusi kewangan atau apabila menggunakan Kad-i di peranti Pembaca Tanpa Sentuh atau apabila memasukkan PIN di terminal POS. Dengan melaksanakan mana-mana tindakan tersebut, Ahli Kad dianggap telah mengesahkan dan mengakui ketepatan jumlah transaksi tersebut.
- 10.3 Ahli Kad juga boleh menggunakan Kad-i untuk membuat Transaksi Tanpa Sentuh melalui Pembaca Tanpa Sentuh yang mana jumlah transaksi maksimum dihadkan kepada RM250.00 untuk setiap transaksi atau sebarang had lain yang dibenarkan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 10.4 Penggunaan Kad-i untuk pembelian petrol di Terminal Pam Luar:  
Kad-i boleh digunakan untuk pembelian petrol di Terminal Pam Luar. Setelah memasukkan Kad-i ke dalam slot pembaca Kad-i dan melengkapkan transaksi, jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 (tertakluk kepada sebarang perubahan pada masa depan) akan dicajkan ke Akaun Kad-i. Jumlah caj pra-kebenaran akan dikembalikan dan caj sebenar akan dicajkan ke Akaun Kad-i setelah penjelasan dilakukan oleh peniaga selepas tiga (3) Hari Bekerja dari tarikh transaksi. Ahli Kad dinasihatkan untuk membuat transaksi di kaunter juruwang untuk mengelakkan dari jumlah pra-kebenaran dikenakan.

## **11. TRANSAKSI BERKAITAN TOL**

- 11.1 Kad-i didayakan secara automatik untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan mengimbas Kad-i pada terminal pembayaran.



- 11.2 Ahli Kad bersetuju sepenuhnya bahawa pembayaran tol akan diusahakan oleh *Touch n' Go Group* dengan kebenaran pembayaran secara tertunda, yang mana berpotensi menyebabkan terdapat perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa sebenar transaksi.

## 12. PENGGUNAAN KAD-i

- 12.1 Ahli Kad utama hendaklah bertanggungjawab kepada BSN untuk semua transaksi yang dilaksanakan oleh Ahli Kad utama dan Ahli Kad Tambahan (jika ada) yang menggunakan Kad-i dan kad-i tambahan masing-masing dan untuk semua caj yang berkaitan yang dibilkan kepada Akaun-akaun Kad-i. Walau apa pun percanggahan dalam Perjanjian ini dan tanpa prejudis kepada kandungan terma am, liabiliti Ahli Kad Utama akan terus kekal tanpa mengira penamatan Perjanjian ini.
- 12.2 Ahli Kad Tambahan (jika ada) hanya akan bertanggungjawab kepada BSN ke atas semua transaksi yang dilaksanakan melalui kad-i tambahan dan bagi semua caj yang dibilkan kepada Akaun Kad-i yang berkaitan dengan kad-i tambahan atau penggunaan yang demikian. Walau apa pun percanggahan dalam Perjanjian ini dan tanpa prejudis kepada kandungan terma am, liabiliti Ahli Kad Tambahan akan terus kekal tanpa mengira penamatan Perjanjian ini.
- 12.3 Untuk menjalankan sesuatu transaksi pembelian kredit dari mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau pendahuluan tunai dari mana-mana Bank-Bank Ahli, Ahli Kad hendaklah menandatangani deraf jualan atau deraf pengeluaran tunai yang disediakan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan/atau Bank-Bank Ahli tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan. BSN dengan ini diberi kebenaran tanpa syarat oleh Ahli Kad untuk mendebitkan Akaun Kad-i Ahli Kad berkenaan untuk jumlah yang dibayar oleh BSN untuk pembelian atau pendahuluan tunai tersebut.
- 12.4 Walau apa pun peruntukan yang dinyatakan dalam Klausula 12.3, Ahli Kad dengan ini memberi kebenaran tanpa syarat kepada BSN untuk membuat pembelian deraf jualan yang tidak ditandatangani atau deraf pendahuluan tunai dan mendebit Akaun Kad-i bagi pembayaran yang dibuat oleh BSN kepada Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-Bank Ahli untuk pembelian tersebut, jika BSN berpendapat berdasarkan bukti dokumentasi yang memuaskan, bahawa peninggalan tandatangan tersebut adalah disebabkan oleh sifat transaksi atau disebabkan oleh kesilapan pihak Ahli Kad, Rakan Niaga Yang Dibenarkan, Bank-Bank Ahli atau sebaliknya, adalah akan mengikat dan muktamad ke atas Ahli Kad.
- 12.5 Bagi maksud Klausula 12.4, sebarang keputusan BSN sama ada bahawa sebarang peninggalan tandatangan itu adalah disebabkan oleh sifat transaksi atau disebabkan oleh kesilapan pihak BSN, adalah mengikat dan muktamad ke atas Ahli Kad.
- 12.6 BSN berhak untuk menganggap rekod BSN untuk sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi yang dilakukan melalui internet atau sebarang cara lain yang boleh diterima oleh BSN mengikut budi bicara dari semasa ke semasa, atau melalui pesanan pos melalui telefon, sebagai bukti hutang yang ditanggung secara sah oleh Ahli Kad untuk didebitkan kepada Akaun Kad-i yang berkenaan walaupun sebarang rekod tersebut mungkin tidak mengandungi sebarang tandatangan Ahli Kad.
- 12.7 Penggunaan Kad-i dilarang pada Kod Kategori Pedagang Tidak Patuh Syariah (KKP) termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut dan mana-mana peniaga lain yang tidak patuh Syariah yang akan dimaklumkan oleh BSN dari semasa ke semasa;

No	KKP	Huraian
1	5921	Kedai Pakej,- Bir, Wain, Minuman Keras
2	5993	Kedai dan Gerai Cerut
3	7273	Perkhidmatan Temu Janji dan Pengiring
4	7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
5	7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah AS sahaja)
6	7802	Lumba Kuda/Lumba Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
7	7995	Pertaruhan, termasuk Tiket Loteri, Cip Permainan Kasino, Pertaruhan di Luar Laluan Perlumbaan dan Pertaruhan di Dalam Laluan Perlumbaan
8	9406	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah bukan AS)

- 12.8 BSN berhak memperuntukkan Had Kemudahan kepada Akaun Kad-i yang berkenaan mengikut budi bicara dan Had Kemudahan itu harus dipatuhi seketatnya oleh Ahli Kad utama dan Ahli Kad Tambahan.
- 12.9 Jika Ahli Kad Utama mengendalikan dua (2) atau lebih Akaun Kad-i, Had Kemudahan bergabung akan diperuntukkan kepada semua Akaun Kad-i yang mewakili Had Kemudahan keseluruhan yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad-i yang dipegang oleh Ahli Kad Utama.
- 12.10 Walau apa pun Had Kemudahan yang ditetapkan dan Had Kemudahan yang digabungkan itu telah ditetapkan untuk Ahli Kad yang berkenaan, BSN berhak mengubah Had Kemudahan atau menyekat atau menolak atau menahan kredit Ahli Kad dengan memberi notis tujuh (7) hari bekerja terlebih dahulu kepada Ahli Kad dan Ahli Kad dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa BSN tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun kepada Ahli Kad utama dan/atau Ahli Kad Tambahan, akibat BSN menjalankan haknya di bawah Klausa ini.

### **13. REKOD TRANSAKSI DAN MATAWANG YANG DIBILKAN**

#### **13.1 BSN berhak untuk menganggap:-**

- (a) sebarang deraf jualan, rekod transaksi yang disimpan atau direkodkan secara elektronik atau sebaliknya, baucar kredit, deraf pengeluaran tunai dan/atau rekod caj lain yang mempunyai butiran cetak atau cetakan lain bagi maklumat bercetak timbul yang terkandung pada Kad-i; dan/atau
- (b) rekod BSN berkenaan dengan pendahuluan tunai atau sebarang transaksi lain yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi-transaksi yang dilakukan melalui pesanan pos telefon, internet atau sebarang peralatan mekanikal, elektrik, elektronik, media lain, sebagai bukti hutang yang sewajarnya ditanggung oleh Ahli Kad yang akan didebitkan ke dalam akaun kredit walaupun mana-mana dokumen tersebut mungkin tidak mengandungi tandatangan Ahli Kad atau tandatangan Ahli Kad (jika tertera) adalah berbeza dengan tandatangan Ahli Kad di atas Borang Permohonan atau dalam rekod BSN. Ahli Kad bersetuju bahawa rekod BSN tentang sebarang transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad-i adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad untuk semua tujuan.

13.2 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya BSN menerima bukti dokumentasi yang memuaskan dan tidak boleh disangkal bahawa sebarang transaksi yang dilaksanakan ke atas Kad-i adalah disebabkan oleh penipuan yang bukan disebabkan atau diakibatkan oleh perbuatan dan/atau peninggalan pihak Ahli Kad dan dengan syarat bahawa Ahli Kad mematuhi sepenuhnya terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, BSN berhak melepaskan Ahli Kad daripada obligasinya untuk membayar hutang yang terkumpul akibat transaksi penipuan tersebut.

#### **13.3 Kesemua hutang jika dalam matawang selain daripada Matawang Bil akan:-**

- (a) sebelum didebitkan ke Akaun Kad-i, ditukarkan kepada Matawang Bil pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa (kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang dikenakan pada tarikh transaksi disebabkan oleh turun naik pasaran) sebagaimana ditentukan oleh Visa International/Mastercard Worldwide pada tarikh kemasukan ke dalam Akaun Kad-i; dan
- (b) tertakluk kepada bayaran pentadbiran sebanyak satu peratus (1%) daripada jumlah transaksi atau sebarang kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa setelah memberikan Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dan sebarang caj tersebut akan didebitkan kepada Akaun Kad-i;
- (c) tertakluk kepada sebarang bayaran yang boleh dicajkan dan ditentukan oleh Visa International/Mastercard Worldwide dan caj tersebut boleh didebitkan ke Akaun Kad-i.

### **14. TRANSAKSI ATM**

14.1 BSN tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung dalam apa jua cara atas sebarang kerugian, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau rasa malu yang ditanggung oleh Ahli Kad

termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan di mana Kad-i tidak laku atau diterima untuk digunakan atau di mana Kad-i ditahan oleh ATM atau transaksi tidak dapat dilaksanakan atau telah dilaksanakan secara salah kerana sebab-sebab yang tidak berkaitan dengan kerosakan teknikal BSN. Kerosakan teknikal BSN tidak termasuk kerosakan, pemberhentian atau penutupan, gangguan bekalan elektrik kepada ATM.

- 14.2 Masa operasi, jenis operasi, kemudahan dan Perkhidmatan yang tersedia kepada Ahli Kad serta kekerapan dan cara penggunaan Kad-i untuk melaksanakan transaksi melalui ATM akan ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 14.3 Jika Kad-i digunakan di ATM bagi mengendalikan Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad, penggunaan Kad-i ke atas Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad akan juga tertakluk kepada terma dan syarat semasa BSN yang mentadbir Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad.

## **15. PENDAHULUAN TUNAI**

- 15.1 Pendahuluan tunai adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSN kepada Ahli Kad untuk pendahuluan tunai melalui ATM.
- 15.2 Ahli Kad boleh mendapatkan pendahuluan tunai dalam sebarang amaun sebagaimana yang dibenarkan oleh BSN, dari semasa ke semasa dengan kaedah-kaedah berikut:-
  - (a) mengemukakan Kad-i di mana-mana cawangan BSN atau mana-mana Bank-Bank Ahli berserta dengan bukti identiti dan menandatangani rekod transaksi yang sewajarnya;
  - (b) menggunakan Kad-i di mana-mana ATM di mana-mana cawangan BSN atau mana-mana bank atau institusi lain yang di mana BSN mempunyai kerjasama untuk penggunaan ATM di bank atau institusi tersebut (dalam kes sedemikian jumlah bagi setiap pendahuluan tunai adalah seterusnya tertakluk kepada had pengeluaran harian yang terpakai untuk ATM); atau
  - (c) bagi semua transaksi luar negara melalui ATM dan/atau mana-mana Bank-Bank Ahli dalam mana kadar pertukaran dan/atau yuran transaksi (jika berkenaan) yang dikenakan bagi Pengeluaran Tunai tersebut adalah hendak pada kadar pertukaran semasa dan/atau yuran transaksi seperti yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa. Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa transaksi-transaksi tersebut tidak melanggar undang-undang semasa yang terpakai dalam negara di mana transaksi tersebut dijalankan.
- 15.3 Yuran pendahuluan tunai yang berdasarkan prinsip *Ujrah* akan dikenakan ke atas setiap jumlah pendahuluan tunai yang dibuat oleh Ahli Kad pada kadar 2.69% daripada jumlah yang dikeluarkan, tertakluk kepada minimum RM12.75. Yuran pendahuluan tunai akan didebitkan ke Akaun Kad-i pada tarikh pendahuluan tunai dibuat.
- 15.4 Selain yuran pendahuluan tunai, Caj Keuntungan Sebenar akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan yang bersamaan 18% setahun (kadar yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa) dan dikira pada kadar harian dari tarikh pendahuluan tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i.
- 15.5 Walau apa pun Had Kemudahan, Ahli Kad hanya dibenarkan menggunakan Kad-i untuk sebarang pendahuluan tunai dengan syarat jumlah pendahuluan tunai tidak melebihi tujuh puluh lima peratus (75%) daripada Had Kemudahan yang tersedia atau sebarang had lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 15.6 Ahli Kad boleh meminta BSN untuk memindahkan dana daripada Akaun Kad-i nya kepada mana-mana akaun lainnya yang dipegang dengan BSN. Sebagai tambahan, Ahli Kad memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada BSN untuk mendebitkan dan memindahkan dana daripada Akaun Kad-i nya kepada mana-mana akaun lainnya yang dipegang oleh BSN untuk menunaikan cek, menyelesaikan sebarang transaksi debit dan/atau umumnya untuk meletakkan akaun tersebut ke dalam dana jika akaun sedemikian tidak mempunyai dana yang mencukupi. BSN boleh (tetapi tidak diwajibkan) memindahkan dana seperti yang dinyatakan. Dana yang dipindahkan menurut Klausula ini akan dianggap sebagai pendahuluan tunai oleh BSN kepada Ahli Kad.

## **16. HAD KEMUDAHAN**

- 16.1 Ahli Kad tidak boleh melebihi Had Kemudahan dan hendaklah membayar sebarang lebihan tersebut dengan serta-merta setelah menerima Penyata dan/atau sebarang notis lain oleh BSN yang menunjukkan lebihan tersebut. Ahli Kad seterusnya berakujanji tidak akan membuat sebarang pembelian atau transaksi di dalam atau luar Malaysia yang boleh menyebabkan Had Kemudahan tersebut melebihi agregat.
- 16.2 Sekiranya kad-i tambahan dikeluarkan dan Had Kemudahan telah ditetapkan dan dimaklumkan kepada Ahli Kad, Had Kemudahan yang ditetapkan itu hendaklah menjadi Had Kemudahan yang sama dan dikongsi oleh semua Kad-i yang dinyatakan di atas secara agregat.
- 16.3 BSN hendaklah mendapatkan persetujuan Ahli Kad sebelum sebarang kenaikan Had Kemudahan. Walau apa pun yang tersebut di atas, BSN berhak untuk mengurangkan Had Kemudahan pada bila-bila masa disebabkan oleh prestasi kredit Ahli Kad yang lemah dan/atau kesukaran membuat pembayaran balik dan/atau mana-mana keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.
- 16.4 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Ahli Kad masih dan adalah bertanggungjawab terhadap semua liabilitinya termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pembelian, pendahuluan tunai dan sebarang transaksi melebihi Had Kemudahan tersebut. Dalam mengukuhkan dan bukan mengurangkan perkara dan tanpa pengurangan, BSN tidak terikat dalam apa jua cara untuk memastikan bahawa Ahli Kad tidak melebihi Had Kemudahan.
- 16.5 Ahli Kad tidak berhak di bawah sebarang keadaan untuk menuntut Had Kemudahan yang ditetapkan atau Had Kemudahan yang tidak digunakan yang disediakan oleh BSN untuk kegunaan Ahli Kad. BSN tidak berada di bawah sebarang obligasi sama ada di bawah undang-undang atau dalam ekuiti untuk membuat atau terus menyediakan Had Kemudahan yang ditetapkan atau Had Kemudahan yang tidak digunakan yang ditetapkan untuk penggunaan oleh Ahli Kad.
- 16.6 Ketersediaan atau kesinambungan Had Kemudahan yang ditetapkan yang diberi kepada Ahli Kad adalah tertakluk kepada semakan yang mungkin dijalankan oleh BSN dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa.
- 16.7 Dalam mengukuhkan dan tanpa menjejaskan mana-mana hak BSN yang lain yang terkandung di dalam Perjanjian ini, berikutan semakan BSN yang dinyatakan BSN akan memberikan notis tujuh (7) hari bekerja terlebih dahulu kepada Ahli Kad dan tanpa sebarang obligasi sama ada di bawah undang-undang atau ekuiti untuk memberikan sebarang sebab untuk mengubah atau meminda Had Kemudahan yang ditetapkan untuk Ahli Kad, terutamanya jika terdapat pengurangan dalam Had Kemudahan yang ditetapkan tersebut.
- 16.8 BSN boleh (tetapi tidak berobligasi) pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menghubungi Ahli Kad bagi mengesahkan sebarang transaksi yang dibuat dengan Kad-i tersebut sebagai satu langkah untuk mencegah sebarang kemungkinan penggunaan Kad-i yang tidak sah. Sekiranya BSN tidak dapat menghubungi Ahli Kad, BSN boleh (tetapi tidak berobligasi) menolak transaksi tanpa liabiliti kepada BSN. Sekiranya BSN membenarkan transaksi itu dijalankan, Ahli Kad akan bertanggungjawab bagi caj dan/atau hutang yang ditanggung dan/atau wang yang dikeluarkan.

## **17. PENYATA AKAUN KAD-i**

- 17.1 Penyata untuk Akaun Kad-i akan diberikan kepada Ahli Kad sebulan sekali atau secara berkala sepertimana yang difikirkan sesuai oleh BSN, yang hanya boleh didapati di [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my) dan dengan ini dipersetujui bahawa semua Penyata tersebut akan dianggap telah dihantar kepada Ahli Kad pada hari ia disediakan secara elektronik di [www.mybsn.com.my](http://www.mybsn.com.my).
- 17.2 Setelah Penyata diterima, Ahli Kad dianggap telah memeriksa semua butiran di dalam Penyata.
- 17.3 Ahli Kad dengan ini secara nyatanya berakujanji dengan BSN bahawa Ahli Kad akan memaklumkan BSN secara bertulis tentang sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa jua bentuk di dalam Penyata dalam tempoh empat belas (14) Hari Kalendar daripada tarikh Ahli Kad menerima atau dianggap telah menerima Penyata tersebut.
- 17.4 Jika Ahli Kad tidak memaklumkan kepada BSN secara bertulis tentang sebarang kesilapan, percanggahan, atau ketidaktepatan mana-mana butiran di dalam Penyata, Ahli Kad akan dianggap telah bersetuju dengan butiran yang terkandung di dalamnya yang dibuat sehingga

tarikh butiran terakhir di dalam Penyata, sebagai betul dan sebagai bukti terakhir dan muktamad bagi fakta-fakta yang terkandung di dalamnya dan ianya akan mengikat Ahli Kad. Ahli Kad selepas itu adalah terhalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap BSN dengan mendakwa bahawa Penyata tersebut mengandungi kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

- 17.5 BSN tidak mempunyai obligasi untuk memberikan kepada Ahli Kad sebarang Penyata, atau salinan Penyata atau deraf jualan atau sebarang rekod transaksi lain berkaitan semua transaksi yang telah berlaku melebihi daripada dua belas (12) bulan daripada tarikh permintaan Ahli Kad.
- 17.6 Walau apa pun bayaran minimum yang perlu dibayar dan Tarikh Akhir Pembayaran, keseluruhan Baki Tertunggak ke atas Akaun Kad-i termasuk Caj Keuntungan Sebenar dan *Ta'widh* (caj gantirugi) akan menjadi terhutang dan perlu dibayar apabila berlakunya situasi seperti berikut:-
  - (a) penamatan penggunaan Kad-i oleh BSN atau keengganan BSN mengeluarkan Kad-i gantian; atau
  - (b) penamatan penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad atau kegagalan memperbaharui Kad-i.
- 17.7 Selepas penamatan penggunaan Kad-i dan Akaun Kad-i, Caj Keuntungan Sebenar dan semua yuran dan caj yang terkandung dalam Perjanjian ini akan menjadi terhutang dan perlu dibayar serta-merta. Untuk mengelakkan keraguan, adalah dipersetujui secara nyata oleh Ahli Kad dan BSN bahawa semua peruntukan yang terkandung dalam Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan mempunyai kesan walaupun penggunaan Kad-i ditamatkan. Selepas penamatan penggunaan Kad-i, BSN boleh terus mendebitkan jumlah wang (termasuk tetapi tidak terhad kepada Caj Keuntungan Sebenar dan yuran dan caj seperti yang terkandung dalam Perjanjian ini) ke Akaun Kad-i dan jumlah wang yang telah didebitkan akan menjadi terhutang dan perlu dibayar serta-merta.

## **18. CAJ KEUNTUNGAN SEBENAR**

- 18.1 BSN akan mengenakan Caj Keuntungan Sebenar ke atas Baki Tertunggak Ahli Kad sepertimana yang dibenarkan di bawah Garis Panduan Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia (atau sebarang garis panduan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa) tertakluk kepada jenis Kad-i dan yuran semasa yang boleh dirujuk di Penyata Pendedahan Produk di Laman Sesawang BSN.
- 18.2 Ahli Kad tidak akan dikenakan sebarang Caj Keuntungan Sebenar semasa "Tempoh Tanpa Caj Keuntungan" untuk sekurang-kurangnya dua puluh (20) Hari Kalendar bermula daripada tarikh Penyata bulanan semasa di mana transaksi runcit tersebut diposkan ke Akaun Kad-i. Untuk Ahli Kad yang tidak menyelesaikan sepenuhnya Baki Tertunggak bulan sebelumnya, mereka tidak akan menikmati "Tempoh Tanpa Caj Keuntungan" seperti yang dinyatakan.
- 18.3 Caj Keuntungan Sebenar adalah dikenakan ke atas Baki Tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas Tarikh Akhir Pembayaran. Pengiraan Caj Keuntungan Sebenar akan bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i.

## **19. TA'WIDH (CAJ GANTIRUGI)**

- 19.1 Sekiranya berlaku kelewatan dalam pembayaran sebarang jumlah wang yang terhutang dan perlu dibayar kepada BSN, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kepada BSN *Ta'widh* (caj gantirugi) pada kadar satu peratus (1%) daripada jumlah keseluruhan Baki Tertunggak pada tarikh Penyata, sehingga maksimum RM100.00, atau pada sebarang kadar yang diluluskan oleh Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa dan semua jumlah yang diterima oleh BSN hendaklah digunakan mengikut budi bicara BSN dalam apa jua cara sebagaimana dibenarkan oleh Syariah. *Ta'widh* (caj gantirugi) ini perlu dibayar sebelum dan juga selepas mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman direkodkan. Walau bagaimanapun, BSN akan memberikan tempoh tangguh selama empat (4) Hari Kalendar selepas Tarikh Pembayaran Akhir sekiranya Tarikh Pembayaran Akhir jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.
- 19.2 Walau apa pun di atas, jumlah *Ta'widh* (caj gantirugi) tidak boleh dikompaun.

## 20. YURAN DAN CAJ

20.1 Ahli Kad dengan ini, secara muktamad dan tanpa syarat bersetuju untuk membayar dan membenarkan BSN untuk mendebitkan Akaun Kad-i (atau jika terdapat lebih daripada satu Akaun Kad-i) bagi segala yuran dan caj yang akan ditentukan atau diubah oleh BSN dari semasa ke semasa seperti berikut:-

(a) Yuran Tahunan	Rujuk pada Laman Sesawang BSN
(b) Yuran pendahuluan tunai	Rujuk Klausa 15.3
(c) Caj gantirugi ( <i>Ta'widh</i> )	Rujuk Klausa 19
(d) Yuran untuk permintaan deraf jualan	RM5 bagi setiap salinan (fotokopi) dan RM15 bagi setiap salinan asal berkaitan sebarang permintaan oleh Ahli Kad-untuk salinan pendua deraf jualan.
(e) Yuran guaman	Kos dan perbelanjaan lain yang mungkin ditanggung oleh BSN dalam melaksanakan hak-hak dan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini dan pungutan kesemua atau apa-apa bahagian wang yang terhutang oleh Ahli Kad kepada BSN dalam Akaun Kad-i.
(f) Yuran Penggantian Kad-i	RM50 untuk pengeluaran Kad-i gantian kali kedua dan seterusnya (gantian kali pertama adalah percuma).
(g) Yuran Penyata kad-i tambahan	RM5 untuk setiap Penyata kad-i tambahan yang diminta oleh Ahli Kad.
(h) Tukaran bagi transaksi luar negara	Rujuk Klausa 13.3
(i) Cukai jualan dan perkhidmatan (SST)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kad-i Utama – RM25 setahun bagi setiap kad</li><li>• Kad-i tambahan – RM25 setahun bagi setiap kad</li></ul>
(j) Duti setem bagi cagaran BSN SSP/BSN Term Deposit-i	RM5 bagi setiap RM1,000 had kemudahan yang diluluskan.
(k) Yuran dan caj yang lain	Akan dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa bagi semua Perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad.

## 21. PERUBAHAN YURAN DAN CAJ-CAJ LAIN

21.1 Sebagai penjelasan lanjut dan bukan sebagai pengurangan hak-hak BSN yang terkandung dalam terma dan syarat lain Perjanjian ini, BSN akan memaklumkan kepada Ahli Kad melalui kaedah-kaedah yang dinyatakan di dalam Klausa 21.2, sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) Hari Kalendar notis terdahulu sebelum tarikh berkuatkuasa sebarang pelaksanaan untuk mengubah kadar atau kaedah pengiraan Caj Keuntungan Sebenar, *Ta'widh* (caj gantirugi), bayaran minimum yang perlu dibayar, yuran dan caj lain, dan sebarang yuran yang terpakai atau levi yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

21.2 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa BSN berhak untuk menggunakan salah satu atau lebih cara atau kaedah komunikasi berikut mengenai pemakluman perubahan dalam Caj Keuntungan Sebenar, *Ta'widh* (caj gantirugi), bayaran minimum perlu dibayar, yuran dan caj lain, dan sebarang bayaran lain yang berkenaan atau levi lain termasuk tarikh berkuatkuasa sebarang perubahan tersebut dengan syarat perubahan tersebut tidak akan berkuatkuasa secara retrospektif:-

- melalui penampalan notis dalam premis BSN dan/atau cawangannya yang menyatakan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan; dan/atau
- melalui penerbitan sekali dalam satu atau lebih akhbar pilihan BSN tentang perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan; dan/atau
- dengan memasukkan lampiran ke dalam Penyata memaklumkan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasanya; dan/atau
- melalui pengeposan notis kepada Ahli Kad tentang perubahan tersebut dan tarikh

- kuatkuasa perubahan secara pos biasa atau berdaftar; dan/atau
- (e) dengan menghantar notis mengenai perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasanya melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau emel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan memaparkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan di Laman Sesawang BSN.

21.3 Pemakluman yang dibuat oleh BSN adalah dianggap telah diterima atau disampaikan kepada Ahli Kad:-

- (a) pada tarikh penampalan notis dalam premis BSN atau cawangannya sekiranya pemakluman dibuat atau dilaksanakan oleh BSN menurut peruntukan Klausula 21.2(a); dan/atau
- (b) pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar pilihan BSN sekiranya pemakluman dibuat atau dilaksanakan oleh BSN menurut peruntukan Klausula 21.2(b); dan/atau
- (c) tiga (3) Hari Kalendar selepas tarikh Penyata Akaun diposkan kepada Ahli Kad sekiranya pemakluman dibuat atau dilaksanakan oleh BSN menurut peruntukan Klausula 21.2(c); dan/atau
- (d) tiga (3) Hari Kalendar selepas tarikh notis diposkan kepada Ahli Kad secara pos biasa atau pos berdaftar sekiranya komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh pihak BSN menurut peruntukan Klausula 21.2(d); dan/atau
- (e) pada tarikh notis perubahan tersebut dihantar melalui SMS atau emel elektronik kepada Ahli Kad atau pada tarikh notis perubahan dipaparkan di Laman Sesawang BSN menurut peruntukan Klausula 21.2(e).

## 22. BAYARAN OLEH BSN UNTUK RAKAN NIAGA YANG DIBENARKAN

22.1 BSN berhak untuk membayar dengan serta-merta bagi sebarang jumlah yang dituntut atau diminta pada bila-bila masa atas Perkhidmatan yang disediakan tanpa sebarang rujukan atau kebenaran lanjut daripada Ahli Kad. BSN tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk menyiasat atau membuat pertanyaan bagi pihak Ahli Kad sama ada sebarang tuntutan atau permintaan Rakan Niaga Yang Dibenarkan untuk pembayaran telah dibuat secara teratur walaupun Ahli Kad mungkin mempertikaikan kesahihan tuntutan atau permintaan tersebut.

22.2 Liabiliti Ahli Kad tidak akan dengan apa cara sekalipun diprejudiskan, terjejas atau diketepikan hanya kerana BSN mempunyai atau mungkin mempunyai justifikasi untuk tidak membayar sebarang amaun yang dituntut atau diminta di bawah Perkhidmatan ini. Oleh itu, ia tidak boleh dijadikan pembelaan kepada sebarang tuntutan yang dibuat oleh BSN terhadap Ahli Kad di bawah Perjanjian ini dan kewajipan Ahli Kad di bawah Perjanjian ini tidak akan terjejas atau tercela atas alasan bahawa BSN mempunyai atau mungkin mempunyai justifikasi untuk menolak pembayaran secara keseluruhan atau sebahagian daripada amaun yang didakwa atau dituntut di bawah Perkhidmatan.

## 23. PEMBAYARAN

23.1 Setelah menerima Penyata, Ahli Kad hendaklah membayar kepada Akaun Kad-i seperti berikut:-

- (a) Bayaran minimum yang perlu dibayar termasuk:
  - (i) 5% Baki Semasa\*
  - (ii) 100% Amaun Ansuran Bulanan\*\* (jika ada)
  - (iii) 100% Amaun Tunggal (jika ada)
  - (iv) Amaun melebihi had kemudahan (jika ada)

ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

\*Baki semasa = Cukai Perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + Caj Keuntungan dan/atau *Ta'widh* (caj gantirugi) dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

\*\*Terpakai kepada Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan 0% *EasyPay* BSN, Pelan Instalment-Pay BSN yang BAHARU dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

- 23.2 Apabila Ahli Kad tidak membuat pembayaran Baki Tertunggak (selain mana-mana pendahuluan tunai) dengan sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran, maka BSN berhak untuk mengenakan caj kepada Ahli Kad dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar Caj Keuntungan Sebenar seperti yang dinyatakan dalam Klausula 18.
- 23.3 Ahli Kad tidak akan dikenakan sebarang Caj Keuntungan Sebenar semasa “Tempoh Tanpa Caj Keuntungan” dari tarikh Penyata jika Ahli Kad telah membayar jumlah penuh Penyata transaksi runcit bulan terdahulu. Jika Ahli Kad memilih untuk membayar sebahagian atau bayaran minimum bagi Penyata terdahulu, Caj Keuntungan Sebenar ke atas transaksi runcit Ahli Kad yang belum dibayar akan dikira dari tarikh transaksi diposkan ke Akaun Kad-i.
- 23.4 Jika Ahli Kad gagal membayar kepada BSN jumlah yang bersamaan atau lebih daripada bayaran minimum yang perlu dibayar seperti di atas, pada Tarikh Akhir Pembayaran, maka, tanpa memprejudiskan hak-hak lain BSN yang terkandung di dalam Perjanjian ini, BSN juga berhak untuk mengenakan caj kepada Ahli Kad dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar *Ta'widh* (caj gantirugi) seperti dinyatakan dalam Klausula 19.
- 23.5 Sebarang bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad kepada Akaun Kad-i tidak tertakluk kepada sebarang potongan sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolakan terhadap Rakan Niaga Yang Dibenarkan, Bank-Bank Ahli dan/atau BSN, dan ianya terpakai dalam cara yang difikirkan sesuai oleh BSN.
- 23.6 Ahli Kad berakujanji untuk membuat pengaturan yang memuaskan bagi semua bayaran/pembayaran balik Akaun Kad-i selaras dengan Terma dan Syarat Perjanjian ini pada setiap masa, termasuk tetapi tidak terhad kepada masa apabila Ahli Kad ke luar negara.

#### 24. ATURAN BAYARAN

- 24.1 Bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad kepada BSN sama ada didebitkan terus dari Akaun Lain Ahli Kad atau sebaliknya akan digunakan untuk menjelaskan baki yang dikenakan caj keuntungan tertinggi dahulu (dan dalam kes caj keuntungan sama, turutan itu akan bermula dari tarikh transaksi yang paling awal hingga yang terkini) mengikut turutan yang berikut:-
  - (a) untuk pembayaran semula semua Had Kemudahan, caj keuntungan dan caj untuk pendahuluan tunai; dan
  - (b) untuk pembayaran semula semua Had Kemudahan dan caj keuntungan untuk transaksi runcit; dan
  - (c) untuk pembayaran semula yuran dan caj lain (contohnya yuran pengeluaran tunai, yuran tahunan, *Ta'widh* (ganti rugi), yuran guaman dan lain-lain) mengikut turutan tersebut dan/atau sebarang cara lain yang dianggap wajar oleh BSN.
- 24.2 BSN diberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan (tetapi tidak mempunyai obligasi) untuk memindahkan bayaran daripada satu Akaun Kad-i kepada Akaun Kad-i lain (untuk semua akaun yang dimiliki oleh Ahli Kad Utama) untuk menguruskan (*'regularize'*) sebarang baki tunggakan dalam akaun lain.

#### 25. PENGENEPIAN

- 25.1 Penerimaan BSN terhadap *Ta'widh* (gantirugi), pembayaran sebahagian, cek atau kiriman wang yang ditandakan sebagai pembayaran penuh atau pengenebian hal oleh BSN atau kelonggaran yang diberikan kepada Ahli Kad tidak boleh menghalang BSN daripada menguatkuasakan sebarang haknya di bawah Perjanjian ini untuk mendapatkan jumlah yang perlu dibayar disini atau penerimaan tersebut juga tidak akandianggap sebagai persetujuan untuk meminda Perjanjian ini dalam apa jua keadaan.
- 25.2 Hak-hak BSN seperti yang terkandung dalam Perjanjian ini adalah kumulatif, boleh digunakan sekerap mungkin jika dianggap sesuai dan sebagai penambahan kepada hak-hak BSN di bawah sebarang undang-undang terpakai. Hak BSN seperti yang terkandung dalam Perjanjian ini tidak boleh diketepikan atau diubah, melainkan dengan pengenebian secara jelas atau perubahan



secara bertulis, dan khususnya sebarang kegagalan untuk melaksanakan atau sebarang kelewatan dalam melaksanakan hak-hak tersebut tidak akan berfungsi sebagai pengeneapan atau perubahan hak tersebut atau sebarang hak lain.

- 25.3 Sebarang ketidaksempurnaan atau pelaksanaan sebahagian hak-hak itu tidak akan menghalang hak-hak yang lain atau pelaksanaan hak-hak itu selanjutnya dan tiada tindakan, atau rundingan bagi bahagiannya atau bagi pihaknya dalam apa jua cara akan menghalang pelaksanaan sebarang hak tersebut atau menjadi suatu penggantungan atau perubahan hak-hak tersebut.

## **26. PEMBAYARAN MELALUI CEK**

- 26.1 Cek yang dihantar oleh Ahli Kad sebagai pembayaran dan yang mana kemudiannya tidak ditunaikan boleh dikembalikan melalui penghantar, kurier atau pos kepada Ahli Kad dan atas risiko dan perbelanjaan Ahli Kad sendiri. BSN tidak akan bertanggungjawab dan bertanggungjawab kepada Ahli Kad jika cek yang tidak dijelaskan tersebut hilang dalam perjalanan.

## **27. PRA-PEMBAYARAN**

- 27.1 Sekiranya Ahli Kad membayar kepada BSN jumlah melebihi Baki Tertunggak (“pra-pembayaran”), BSN berhak pada bila-bila masa untuk menentusahkan sumber dana pra-pembayaran tersebut. Jika BSN telah berpuashati dengan pengesahan tersebut, BSN, tanpa prejudis kepada hak-haknya lain di bawah Perjanjian ini, boleh menggunakan pra-pembayaran tersebut terhadap obligasi pembayaran Ahli Kad untuk semua pembelian dan transaksi menggunakan Kad-i tersebut. Sementara menunggu BSN menentusahkan sumber dana bagi pra-pembayaran tersebut:-
- (a) BSN berhak untuk menggantung penggunaan Kad-i dan/atau menolak sebarang transaksi yang cuba dilaksanakan melalui Kad-i oleh Ahli Kad selepas pra-pembayaran; dan
  - (b) sebarang jumlah yang masih berbaki kepada kredit Akaun Kad-i berikutan pra-pembayaran tidak akan dipulangkan balik kepada Ahli Kad.
- 27.2 Sekiranya sumber dana daripada pra-pembayaran adalah daripada institusi kewangan lain melalui “pindahan baki” atau sebaliknya dan pra-pembayaran tersebut menyebabkan sejumlah dana dikreditkan ke dalam Akaun Kad-i, BSN berhak untuk mengembalikan jumlah yang masih berbaki kredit dalam Akaun Kad-i tersebut kepada institusi kewangan yang berkenaan. Sebarang jumlah yang dikreditkan tidak akan dilepaskan kepada Ahli Kad tetapi akan digunakan untuk melangsaikan sebarang wang yang belum dibayar di bawah Akaun Kad-i daripada pembelian dan transaksi yang dilaksanakan oleh penggunaan Kad-i tersebut.

## **28. ARAHAN TELEKOMUNIKASI**

- 28.1 BSN berhak (tetapi tidak diwajibkan) menerima arahan daripada Ahli Kad melalui telefon, berhubung dengan Kad-i, termasuk dan tidak terhad kepada permintaan-permintaan untuk melaksanakan perkara-perkara berikut (melainkan dinyatakan sebaliknya):-
- (a) pertukaran alamat surat-menyurat; atau
  - (b) laporan kehilangan Kad-i; atau
  - (c) penggantian Kad-i yang hilang atau rosak; atau
  - (d) perubahan Had Kemudahan; atau
  - (e) lain-lain transaksi yang mungkin ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
- 28.2 Sebelum menerima arahan-arahan tersebut melalui telefon, identiti Ahli Kad akan disahkan oleh wakil BSN melalui suatu proses keselamatan yang ditetapkan oleh BSN yang merangkumi butir-butir peribadi Ahli Kad.
- 28.3 Walau apa pun yang ternyata di Klausula 28.1 dan 28.2, BSN boleh meminta pengesahan bertulis daripada Ahli Kad mengenai arahan Ahli Kad sebelum melaksanakannya.
- 28.4 BSN tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang kehilangan atau kerosakan walau apa pun penyebabnya atau yang dialami oleh Ahli Kad dalam mengikuti atau meninggalkan sebarang atau kesemua arahan yang dinyatakan di Klausula 28.1.
- 28.5 Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa:-

- (a) BSN boleh merakamkan semua perbualan telefon antara Ahli Kad dan wakil BSN; dan
  - (b) berdasarkan sifat sesuatu perbualan telefon, BSN tidak bertanggungjawab jikapihak ketiga yang tidak diberi kuasa terdengar perbualan tersebut.
- 28.6 Ahli Kad seterusnya membenarkan BSN untuk bertindak atas arahannya yang diberikan melalui faksimili atau cara telekomunikasi yang lain dan sebarang permintaan yang dibuat oleh Ahli Kad kepada Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau pembekal perkhidmatan begi pembekalan Barangan dan Perkhidmatan Halal untuk dicajkan ke Akaun Kad-i akan membentuk kebenaran bagi BSN untuk mendebitkan Akaun Kad-i dengan amaun yang dicajkan. Ahli Kad dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk menanggung rugi BSN terhadap segala tindakan, tuntutan, kerugian, liabiliti atau kerosakan yang ditanggung oleh BSN berikutan persetujuan untuk bertindak atas arahan lisan, faks atau arahan melalui telekomunikasi daripada Ahli Kad.
- 28.7 BSN diberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau memaklumkan Ahli Kad melalui mel elektronik, telefon atau SMS, di mana teks, mesej elektronik atau maklumat dihantar ke alamat e-mel Ahli Kad atau ke nombor telefon bimbit dalam rekod BSN. Maklumat yang dihantar melalui mel elektronik, atau melalui SMS mungkin mengandungi maklumat yang dianggap sesuai oleh BSN dan mungkin mengandungi (tetapi tidak terhad kepada) peringatan-peringatan berkenaan dengan pembayaran minimum yang terhutang, tarikh pembayaran perlu dibayar dan kemaskini mengenai faedah, program dan promosi dan maklumat umum yang lain dan/atau khusus kepada Ahli Kad.
- 28.8 Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan penyimpanan maklumat-maklumat yang diterimanya.
- 28.9 Ahli Kad akan memaklumkan BSN serta-merta apabila menerima amaran transaksi melalui SMS jika transaksi itu tidak dibenarkan.
- 28.10 Ahli Kad hendaklah memaklumkan BSN dengan segera secara bertulis berkenaan penukaran nombor telefon bimbit. Jika gagal berbuat demikian, BSN boleh terus menghantar SMS kepada Ahli Kad tanpa mengambil kira arahan Ahli Kad. BSN tidak bertanggung kepada Ahli Kad bagi sebarang kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khusus atau bersebab), kehilangan perniagaan atau keuntungan atau sebarangsebarang kehilangan atau kerosakan dalam apa jua keadaan yang dialami oleh Ahli Kad yang timbul daripada atau akibat daripada:-
- (a) kerosakan atau kecacatan dalam penyaluran maklumat atas apa jua alasan;
  - (b) ketidaktepatan, ketidاكلengkapan, kelewatan atau kegagalan menghantar sebarang maklumat yang disalurkan atau penyaluran secara salah bagi sebarang maklumat kepada pihak ketiga;
  - (c) akses yang salah, tanpa kebenaran dan tidak wajar untuk penggunaan atau pentafsiran maklumat yang disalurkan; atau
  - (d) tuntutan berkaitan fitnah secara lisan atau bertulis yang timbul akibat dari penyaluran sebarang maklumat.

## **29. PENAMATAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN KAD-i**

- 29.1 Kad-i adalah dan akan menjadi, pada setiap masa, harta BSN dan hendaklah dikembalikan kepada BSN dengan serta-merta apabila diminta oleh BSN atau ejennya yang diberi kuasa. BSN boleh menarik balik, menggantung dan/atau menamatkan, Kad-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberi notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) Hari Kalendar kepada Ahli Kad sebelum penarikan balik, penggantungan dan/atau penamatan Kad-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan yang difikirkan wajar dan tanpa mengira sama ada sebarang peristiwa kemungkiran telah berlaku. Adalah selanjutnya dipersetujui bahawa BSN tidak berkewajipan untuk memberikan alasan bagi penamatan atau penggantungan penggunaan Kad-i.
- 29.2 Tanpa prejudis kepada atau menghadkan hak-hak BSN seperti yang terkandung di atas, BSN boleh menarik balik, menggantung dan/atau menamatkan Kad-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan yang ditawarkan serta-merta, walaupun BSN mungkin telah mengenyepikan haknya dalam beberapa kejadian sebelumnya, apabila berlakunya mana-mana satu atau lebih

daripada perkara berikut:-

- (a) jika Ahli Kad gagal atau mungkir dalam pembayaran yang perlu dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran minimum yang perlu dibayar, sebarang amaun yang melebihi Had Kemudahan yang ditetapkan (seperti yang dinyatakan dalam Klausa 16), Caj Keuntungan Sebenar dan *Ta'widh* (caj gantirugi), yuran dan lain-lain caj, dan mana-mana yuran yang terpakai atau levi yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini, apabila terhutang dan perlu dibayar berikutan dan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perjanjian ini sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
- (b) jika Ahli Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan kemungkiran atau melanggar mana-mana perjanjian, ketetapan, terma atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh Ahli Kad;
- (c) jika petisyen kebangkrapan dikemukakan atau suatu perintah dibuat untuk perintah penghakiman dan/atau perintah penerimaan terhadap Ahli Kad;
- (d) jika tindakan distres, pelaksanaan atau proses mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten yang lain adalah dikenakan atau dilaksanakan terhadap mana-mana harta benda kepunyaan Ahli Kad dan tindakan distres, pelaksanaan atau proses yang lain itu, mengikut mana yang berkenaan, tidak diselesaikan oleh Ahli Kad dalam tempoh dua puluh satu (21) Hari Kalendar daripada tarikh tersebut;
- (e) jika Ahli Kad memberi maklumat atau data palsu kepada BSN;
- (f) jika seorang penerima telah dilantik berhubung dengan aset Ahli Kad atau mana-mana bahagian daripadanya atau suatu mesyuarat, sama ada rasmi atau tidak rasmi, diadakan oleh pemiutang-pemiutang Ahli Kad atau salah seorang daripada mereka atau jika Ahli Kad menyertai skim pembayaran balik atau penyusunan dengan mana-mana pemiutang atau jika Ahli Kad pergi kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan;
- (g) jika Ahli Kad membenarkan suatu hutang penghakiman yang diambil terhadapnya dibiarkan tidak diselesaikan.
- (h) jika menurut pendapat BSN, Akaun Kad-i dan/atau Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad dengan BSN adalah atau telah tidak dikendalikan dengan memuaskan atau kemungkiran pembayaran yang terhutang telah berlaku;
- (i) jika satu atau lebih -perkara telah berlaku atau suatu situasi telah wujud yang akan atau mungkin menurut pendapat pihak BSN, akan memprejudiskan kemampuan Ahli Kad untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini;
- (j) jika Ahli Kad menjadi tidak waras atau meninggal dunia;
- (k) jika pihak BSN tidak mengetahui di mana Ahli Kad berada;
- (l) jika pihak BSN berpendapat terdapat transaksi yang menimbulkan kesangsian atau luar biasa yang dilaksanakan ke atas Kad-i dan penggantungan dan/atau penamatan adalah munasabah dan diperlukan untuk mencegah penipuan atau transaksi yang tidak diberi kuasa;
- (m) jika Ahli Kad didapati telah melanggar sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan yang terpakai berkaitan penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad; atau
- (n) jika Ahli Kad didapati terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad kepada perjudian haram dalam talian).

29.3 Tanpa mengambil kira tarikh transaksi, Ahli Kad akan terus bertanggungjawab terhadap penggunaan Kad-i tersebut walaupun Kad-i telah dipulangkan.

29.4 Sekiranya Kad-i ditamatkan dan/atau digantung oleh BSN di bawah Perjanjian ini, kad-i tambahan juga akan ditamatkan dan/atau digantung dengan serta-merta.

### **30. PENDEDAHAN PIN, KOD BOSS, KECURIAN ATAU KEHILANGAN KAD-i**

30.1 Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan, Ahli Kad akan dan tetap akan bertanggung kepada pihak BSN untuk sebarang Barangan dan Perkhidmatan Halal yang disediakan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan semua pendahuluan tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i sama ada penggunaan tersebut dibenarkan oleh Ahli Kad atau tidak.

- 30.2 Ahli Kad bertanggungjawab untuk mengambil langkah penjagaan yang tinggi, usaha wajar dan langkah pencegahan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad-i secara penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan PIN, butiran Kad-i dan/atau Kod BOSS kepada mana-mana orang lain dan Ahli Kad akan menanggung rugi dan tidak memudaratkan BSN terhadap sebarang liabiliti untuk kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) akibat kemungkiran kewajipan oleh Ahli Kad. Tanggungjawab untuk mengambil langkah penjagaan yang tinggi, usaha wajar dan langkah pencegahan untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad-i secara penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan PIN, butiran Kad-i dan/atau Kod BOSS kepada mana-mana orang lain termasuk:-
- (a) tidak boleh sama sekali membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan Kad-i;
  - (b) tidak menulis PIN di atas Kad-i atau sebarang item yang biasanya disimpan bersama Kad-i;
  - (c) tidak menulis PIN dalam bentuk yang boleh difahami oleh orang lain;
  - (d) tidak membocorkan/mendedahkan/berkongsi PIN, butiran Kad-i dan/atau Kod BOSS kepada orang lain;
  - (e) tidak melepaskan Kad-i dari pandangan Ahli Kad; atau
  - (f) tidak menggunakan tarikh lahir Ahli Kad, nombor kad pengenalan atau nombor telefon sebagai PIN.
- 30.3 Sekiranya berlaku sebarang kehilangan dan/atau kecurian Kad-i dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang lain atau pihak ketiga, Ahli Kad hendaklah dengan serta merta memaklumkan BSN dan melaporkan kepada polis berkenaan kehilangan dan/atau kecurian Kad-i tersebut dan/atau pendedahan PIN kepada mana-mana individu diikuti dengan pengesahan bertulis kepada BSN bersama dengan salinan laporan polis dalam tempoh tujuh (7) Hari Kalendar daripada tarikh kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Ahli Kad akan dan tetap akan bertanggungjawab kepada BSN untuk sebarang Barangan dan Perkhidmatan Halal yang dibekalkan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan dan pendahuluan tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad-i oleh mana-mana individu sebelum BSN menerima pengesahan bertulis Ahli Kad.
- 30.4 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran bagi Kad-i berasaskan PIN yang dikemukakan jika Ahli Kad telah:
- (a) melakukan penipuan; atau
  - (b) gagal memaklumkan BSN secepat mungkin dalam tempoh munasabah selepas mengetahui bahawa Kad-i hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran; atau
  - (c) mendedahkan PIN kepada orang lain dengan secara sukarela; atau
  - (d) merekodkan PIN pada Kad-i atau pada sebarang item yang disimpan berhampiran dengan Kad-i.
- 30.5 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran dengan kehadiran Kad-i yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan Transaksi Tanpa Sentuh, jika Ahli Kad telah:
- (a) melakukan penipuan; atau
  - (b) gagal memaklumkan kepada BSN secepat mungkin dalam tempoh yang munasabah selepas mengetahui bahawa Kad-i hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran; atau
  - (c) meninggalkan Kad-i atau item yang mengandungi Kad-i tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
  - (d) secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad-i.
- 30.6 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa Kad-i, jika Ahli Kad telah:
- (a) melakukan penipuan; dan/atau
  - (b) gagal memaklumkan kepada BSN secepat mungkin dalam tempoh yang munasabah selepas Ahli Kad menyedari Kad-i telah digunakan tanpa kebenaran;
  - (c) secara sengaja atau tidak sengaja mendedahkan butiran Kad-i dan Kod BOSS kepada mana-mana orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui e-mel yang tidak diminta atau mana-mana laman sesawang selain daripada laman sesawang rasmi BSN di [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my); dan/atau

(d) terlibat dalam transaksi yang dipertikaikan, samada secara langsung atau tidak langsung seperti yang dimaklumkan oleh pemeroleh.

- 30.7 Sekiranya Ahli Kad tidak puas hati dengan keputusan BSN berkaitan dengan sebarang sebarangisue yang berbangkit dari Klausa ini, Ahli Kad boleh merujuk pertikaian kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Apabila Kad-i yang hilang atau dicuri telah ditemui, Ahli Kad bersetuju tidak akan menggunakan Kad-i yang telah ditemui itu dan mesti dengan serta merta mengembalikan Kad-i tersebut, yang dipotong dua di bahagian tengah jalur magnetik dan cip kepada BSN.
- 30.8 BSN tidak mempunyai sebarang obligasi untuk mengeluarkan Kad-i gantian kepada Ahli Kad berikutan dengan kehilangan atau kecurian Kad-i. Sekiranya BSN memutuskan untuk mengeluarkan Kad-i gantian ia adalah tertakluk kepada Yuran Penggantian Kad-i yang dinyatakan dalam Klausa 20.1 (atau sebarang amaun sebagaimana yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa). BSN berhak untuk tidak menggantikan Kad-i sekiranya terdapat laporan kehilangan atau kecurian Kad-i yang seterusnya.
- 30.9 Jika Kad-i gantian dikeluarkan, segala Baki Tertunggak yang belum dijelaskan dan semua butiran debit yang merangkumi Baki Tertunggak dalam Akaun Kad-i akan dipindahkan kepada Akaun Kad-i yang baru.

### **31. PEMBAHARUAN KAD-i**

- 31.1 Setelah tamat tempoh sah Kad-i, BSN boleh mengeluarkan Kad-i gantian baharu kepada Ahli Kad yang sah untuk suatu tempoh yang sama seperti tempoh sah yang sebelumnya, melainkan ditetapkan sebaliknya oleh BSN. Walau bagaimanapun, BSN berhak untuk menolak pengeluaran Kad-i gantian baru tanpa memberikan sebarang alasan sekalipun.
- 31.2 Jika Kad-i baharu dikeluarkan, segala Baki Tertunggak yang belum dijelaskan dan semua butiran debit yang merangkumi Baki Tertunggak dalam Akaun Kad-i akan dipindahkan kepada Akaun Kad-i yang baharu.

### **32. PENUTUPAN AKAUN KAD-i**

- 32.1 BSN akan menutup Akaun Kad-i setelah menerima permintaan penutupan daripada Ahli Kad, setelah penggunaan Kad-i ditamatkan atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu selepas memberikan notis tujuh (7) hari bekerja terlebih dahulu kepada Ahli Kad tanpa tertakluk kepada mana-mana yuran dan caj yang dikenakan oleh BSN ke atas Ahli Kad. Sehubungan dengan penutupan Akaun Kad-i, BSN akan mengatur pemulangan baki (sekiranya ada) kepada Ahli Kad dalam masa tiga puluh (30) Hari Kalendar melalui kaedah pembayaran yang ditentukan oleh BSN.

### **33. PENOLAKAN SELESAI/PENYATUAN**

- 33.1 BSN boleh pada bila-bila masa dengan memberi sekurang-kurangnya tujuh (7) Hari Kalendar notis terlebih dahulu untuk menggabungkan atau menyatukan kesemua atau mana-mana akaun Ahli Kad dengan BSN untuk menolak atau memindahkan sebarang wang yang ada dalam akaun kredit Ahli Kad dengan BSN walau apa jua jenisnya dan di mana jua lokasinya bagi pengurangan dan/atau pelepasan sebarang jumlah yang terhutang kepada BSN di bawah Perjanjian ini.
- 33.2 Dalam hal ini, BSN boleh secara serentak membuat penandaan sebarang dana yang tersedia dalam akaun deposit Ahli Kad terhadap Baki Tertunggak Ahli Kad selepas pengeluaran notis kepada Ahli Kad.

### **34. KOS UNDANG-UNDANG DAN TANGGUNG RUGI**

- 34.1 Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar dan menanggung rugi BSN terhadap semua kos guaman (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguam cara dan klien), caj dan perbelanjaan yang BSN akan menanggung untuk menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan Perjanjian ini atau dalam mendapatkan atau memohon untuk mendapatkan

bayaran kesemua atau mana-mana bahagian wang yang terhutang oleh Ahli Kad. BSN juga mempunyai hak untuk mendebit dan/atau menolak daripada Akaun Kad-i dan/atau mana-mana Akaun Lain Ahli Kad dengan BSN, untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Ahli Kad di bawah klausa tanggung rugi ini, dan/atau untuk mendapatkan semula sebarang wang yang Ahli Kad berhutang kepada BSN berikutan dengan klausa tanggung rugi ini.

### **35. KEJADIAN DI LUAR KAWALAN ('FORCE MAJEURE')**

- 35.1 Tanpa memprejudiskan sebarang peruntukan Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju bahawa BSN tidak menanggung sebarang liabiliti sekiranya BSN tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peralatan mekanik atau eletronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, sebarang tindakan di luar kawalan BSN atau yang disebabkan oleh sebarang faktor yang bersifat '*force majeure*'.
- 35.2 Sebarang ketidakupayaan Ahli Kad untuk membuat pembayaran yang perlu dibayar kepada BSN disebabkan kekurangan simpanan tidak akan dalam apa jua keadaan dianggap '*force majeure*'. Jika BSN tidak dapat memberikan kepada Ahli Kad Penyata menurut peruntukan dalam Perjanjian pada bila-bila tempoh masa, liabiliti Ahli Kad untuk Caj Keuntungan Sebenar dan yuran dan caj lain akan terus terakru dan bagi tujuan pengiraan caj keuntungan yang perlu dibayar kepada BSN atau penetapan tarikh yang perlu dibayar bagi pembayaran Caj Keuntungan Sebenar, yuran lain, caj lain dan Had Kemudahan, BSN boleh memilih mana-mana hari dalam bulan tersebut sebagai tarikh Penyata bulanan.

### **36. BSN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP TINDAKAN RAKAN NIAGA YANG DIBENARKAN DAN PIHAK KETIGA**

- 36.1 Pihak BSN tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-Bank Ahli menolak untuk menunaikan atau menerima Kad-i atau untuk sebarang kerosakan atau ketidakpuasan berkenaan barang-barang dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Ahli Kad oleh mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan. Sebarang aduan oleh Ahli Kad mestilah diselesaikan secara terus dengan Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-Bank Ahli berkenaan dan tiada tuntutan terhadap Rakan Niaga Yang Dibenarkan atau Bank-Bank Ahli boleh ditolak atau dituntut balas terhadap BSN.
- 36.2 Seterusnya Ahli Kad bersetuju untuk menanggung jumlah yang dikenakan dan tidak akan menagguhkan pembayaran kepada BSN atas akaun disebabkan oleh sebarang aduan atau dalam apa jua keadaan. Barangan Dan Perkhidmatan Halal yang diperolehi melalui Kad-i tidak boleh ditukar atau dipulangkan untuk pembayaran balik wang tunai, tetapi baucar kredit akan dikeluarkan oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan bagi tujuan ini. Selepas penerimaan sebarang baucar kredit, BSN akan mengkreditkannya ke dalam Akaun Kad-i Ahli Kad tersebut. Melainkan baucar kredit yang dikeluarkan diterima oleh pihak BSN, Ahli Kad masih bertanggungjawab untuk jumlah yang dikenakan.
- 36.3 Dalam mengukuhkan dan tanpa menjejaskan peruntukan di atas, BSN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti ke atas kerosakan yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad di bawah sebarang jua keadaan sama ada keadaan tersebut berhubung atau berpunca daripada Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada ketidakterimaan Kad-i atas sebarang sebab oleh Rakan Niaga Yang Dibenarkan, orang perseorangan atau badan atau ketidakterimaan oleh mana-mana bank atau Bank-Bank Ahli untuk pendahuluan tunai, Kad-i ditolak oleh mana-mana ATM, tidak diperbaharui, halangan atau pembatalan Had Kemudahan atau kemudahan, penyenaian nombor Kad-i berkenaan dalam senarai pembatalan atau di bawah sebarang keadaan di mana BSN wajib untuk bertindak dengan munasabah untuk melindungi haknya di bawah peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

### **37. PINDAAN**

- 37.1 BSN berhak untuk menambah, memadam, mengubah atau meminda mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) Hari Kalendar (melainkan dinyatakan sebaliknya) kepada Ahli Kad dari tarikh berkuatkuasanya penambahan, pemadaman, perubahan atau pindaan tersebut. Notis penambahan atau pengubahsuaian atau pindaan dan tarikh kuatkuasa boleh dilaksanakan melalui mana-mana salah satu cara komunikasi seperti berikut:-
- (a) melalui penghantaran notis tersebut kepada Ahli Kad secara kurier atau serahan tangan;
  - (b) melalui penampalan notis di dalam premis BSN atau cawangannya;
  - (c) melalui penerbitan tunggal di dalam satu atau lebih akhbar pilihan BSN;
  - (d) memasukkan lampiran ke dalam Penyata Akaun;
  - (e) melalui penghantaran notis kepada Ahli Kad melalui pos biasa atau berdaftar;
  - (f) melalui penghantaran secara SMS atau mel elektronik kepada Ahli Kad; atau
  - (g) mempamerkan notis akan pada Laman Sesawang BSN.
- 37.2 Komunikasi kepada Ahli Kad melalui salah satu cara komunikasi di atas adalah dianggap diterima oleh atau disampaikan kepada Ahli Kad:
- (a) pada hari penghantaran dalam kes di mana notis pindaan dihantar kepada Ahli Kad melalui kurier atau serahan tangan;
  - (b) pada hari penampalan notis di dalam premis BSN atau cawangannya jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh BSN selaras dengan peruntukan Klausula 37.1(b);
  - (c) pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar pilihan BSN jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh BSN selaras dengan peruntukan Klausula 37.1(c);
  - (d) tiga (3) Hari Kalendar selepas tarikh pengeposan pindaan dalam Penyata Akaun kepada Ahli Kad jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh BSN selaras dengan peruntukan Klausula 37.1(d);
  - (e) tiga (3) Hari Kalendar selepas tarikh pengeposan notis kepada Ahli Kad melalui pos biasa atau berdaftar jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh BSN selaras dengan peruntukan Klausula 37.1(e);
  - (f) pada notis perubahan tersebut dihantar melalui SMS atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau tarikh notis perubahan tersebut diposkan ke Laman Sesawang BSN mengikut peruntukan Klausula 37.1(f);
  - (g) pada tarikh pengeposan notis di Laman Sesawang BSN jika komunikasi dibuat atau dilaksanakan oleh BSN mengikut peruntukan Klausula 37.1(g).
- Perubahan tersebut akan digunakan pada tarikh kuatkuasa yang ditentukan oleh BSN dan akan digunakan kepada semua Baki Tertunggak dalam Akaun Kad-i. Pengkalan atau penggunaan Kad-i selepas tarikh kuatkuasanya sebarang perubahan terma dan syarat akan dianggap sebagai penerimaan sepenuhnya perubahan tersebut tanpa ragu oleh Ahli Kad.
- 37.3 Perjanjian ini (dengan semua perjanjian sampingan yang dipinda dari semasa ke semasa oleh BSN) mengandungi, dan bertujuan sebagai, Penyata lengkap bagi kesemua terma dan penyusunan di antara pihak-pihak dalam Perjanjian ini berkenaan perkara yang berbangkit dalam Perjanjian ini, dan turut melangkaui sebarang mana-mana perjanjian dan persefahaman terdahulu antara pihak-pihak berkenaan sebarang mana-mana perkara tersebut.

### **38. KEBOLEHASINGAN**

- 38.1 Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam sebarang keadaan di bawah mana-mana undang-undang, kesahan, kesahihan dan kebolehkuatkuasaan peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara.

### **39. PENZAHIRAN MAKLUMAT DAN DATA PERIBADI**

- 39.1 Ahli Kad dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada BSN untuk mengutip, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi

Organisasi dan/atau Ahli Kad dengan ini menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausa ini mempunyai maksud yang sama sepertimana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Data Peribadi”).

39.2 Ahli Kad dengan ini secara nyata memberi persetujuan dan membenarkan BSN mengikut cara dan bilamasa difikirkan sesuai dan perlu untuk melakukan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Perjanjian ini tanpa merujuk kepada Ahli Kad:-

(a) untuk menzahirkan hal ehwal atau Akaun Kad-i berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Data Peribadi Ahli Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat, nombor telefon atau alamat e-mel atau membuat rekod tentang butir-butir peribadi Ahli Kad yang dikemukakan kepada BSN dan sebarang maklumat lain berhubung dengan Akaun Kad-i dan Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad dan nombor-nombor Kad-i yang baru diperbaharui atau digantikan dan sebarang maklumat lain berhubung dengan penggunaan Kad-i atau sebarang transaksi yang dilakukan atau akan dilakukan melalui penggunaan Kad-i dan sebarang maklumat lain atau dokumen apa jua berhubung dengan urusan atau akaun Ahli Kad (termasuk Penyata akaun berhubung dengannya) dan sebarang kemudahan kredit lain yang dimiliki oleh Ahli Kad dengan BSN atau maklumat lain yang difikirkan sesuai oleh BSN kepada:-

(i) sesiapa yang telah menjamin atau mungkin menjamin atau sebaliknya telah memberi sekuriti atau mungkin memberi sekuriti berhubung dengan penggunaan Kad-i;

(ii) mana-mana syarikat, organisasi, institusi, persatuan, biro kredit, agensi kredit, institusi kewangan atau entiti lain yang mungkin menjalankan pemeriksaan kredit atas Ahli Kad, Unit Pusat Kredit Bank Negara Malaysia, Biro Maklumat Cek, Sistem Pusat Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) atau autoriti atau badan berkenaan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana badan lain atau autoriti (kerajaan atau sebaliknya) yang difikirkan sesuai oleh BSN di bawah sebarang undang-undang berkenaan, peraturan, garis panduan, peruntukan pihak berkuasa atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya);

(iii) sesiapa yang difikirkan perlu oleh BSN untuk tujuan menuntut balik sebarang wang yang perlu dibayar dan masih terhutang oleh Ahli Kad kepada BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pemungut hutang, pekerja-pekerja dan ejen-ejennya);

(iv) mana-mana Rakan Niaga Yang Dibenarkan, mana-mana pegawai BSN dan mana-mana Bank-Bank Ahli dan/atau mana-mana pihak atau entiti yang mempunyai kepentingan yang sah terhadap Ahli Kad berkaitan dengan penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad; atau

(b) untuk membuat laporan (termasuk laporan polis) dan/atau surat pekeliling dan/atau memasukkan iklan atau menerbitkan atau mempamerkan notis (termasuk mana-mana iklan dalam media) yang menggabungkan mana-mana atau semua butir peribadi Ahli Kad, butir-butir Akaun Kad-i (termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun-akaun Ahli Kad dan status kewangan) yang BSN fikirkan perlu bagi tujuan mendapatkan kembali wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh Ahli Kad kepada BSN.

(c) untuk menyemak kedudukan kredit pemohon Kad-i dan/atau butir-butir peribadi Ahli Kad, urusan-urusan dan kedudukan kredit dengan mana-mana syarikat, individu, agensi, institusi kewangan atau badan lain dan untuk memperolehi daripada mereka maklumat yang mungkin diperlukan oleh BSN, sama ada secara komunikasi lisan atau melalui dokumen.

(d) untuk mendedahkan kepada Ahli Kad Utama dan/atau Tambahan maklumat seperti yang dirujuk di sub-perenggan (c) di atas dan sebarang maklumat yang BSN anggap wajar berkenaan Akaun Kad-i dan Akaun Lain Kepunyaan Ahli Kad dan sebaliknya.

39.3 BSN dengan ini menafikan semua liabiliti kepada Ahli Kad untuk sebarang kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khusus atau bersebab) dalam sebarang bentuk atau keaiban yang ditanggung oleh Ahli Kad akibat penzahiran sebarang maklumat atau tafsiran atau penggunaan maklumat yang dizahirkan.



- 39.4 Ahli Kad dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di laman sesawang BSN. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan di antara terma yang terkandung dalam Perjanjian ini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.
- 39.5 Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa Ahli Kad mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Ahli Kad boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh BSN kepada Ahli Kad. Dalam keadaan itu, BSN mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau berhenti menyediakan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.

#### **40. DOKUMEN TAMBAHAN**

- 40.1 Ahli Kad berakujanji untuk menandatangani dokumen-dokumen tambahan lain yang diminta oleh BSN dari semasa ke semasa dan Ahli Kad dengan ini berjanji dan bersetuju bahawa atas pilihan BSN dokumen tambahan tersebut boleh dianggap berkuatkuasa secara retrospektif.

#### **41. PENYAMPAIAN NOTIS**

- 41.1 Ahli Kad dengan ini bersetuju secara tidak boleh batal dengan penyampaian sebarang notis di bawah Perjanjian ini atau sebarang proses mahkamah atau penyampaian cek, deraf bank, perintah juruwang atau Kad-i atau sebarang dokumen atau butiran lain melalui pos biasa atau serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier kepada alamat terakhir yang diketahui bagi Ahli Kad di dalam rekod BSN dan penyampaian tersebut dianggap adalah berkuatkuasa tiga (3) Hari Kalendar selepas pengeposan jika dihantar melalui pos biasa dan pada masa penyampaian, jika dihantar melalui serahan tangan atau melalui kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilaksanakan melalui apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 41.2 Ahli Kad mesti dengan segera memaklumkan kepada BSN secara bertulis berkenaan sebarang perubahan dalam pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat atau kediaman) atau jika Ahli Kad berhasrat untuk berada di luar Malaysia lebih daripada tiga puluh (30) Hari Kalendar dalam satu turutan.
- 41.3 Menurut Klausula 41.2, adalah penting untuk Ahli Kad dengan segera memaklumkan kepada BSN sebarang perubahan yang dinyatakan di dalam Klausula 41.2 bagi memastikan bahawa BSN mempunyai maklumat terkini Ahli Kad yang dikemaskinikan.

#### **42. SIJIL KEBERHUTANGAN**

- 42.1 Perakuan yang dikeluarkan oleh seorang pegawai BSN tentang amaun yang pada masa itu perlu dibayar dan terhutang kepada BSN oleh Ahli Kad adalah bukti konklusif terhadap Ahli Kad dalam sebarang prosiding undang-undang. Sebarang penghakiman yang diperolehi oleh BSN terhadap Ahli Kad berhubung dengan keberhutangan adalah mengikat dan muktamad di semua mahkamah di Malaysia dan di tempat lain.

#### **43. PEMBATALAN/PENGGANTUNGAN DISEBABKAN KEGANASAN**

- 43.1 Dalam mengukuhkan dan tanpa memprejudiskan hak dan remedi BSN yang lain atau peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini secara umumnya, BSN berhak mengisytiharkan bahawa:-
- (a) Kad-i akan digantung dan Kad-i tersebut seterusnya akan digantung; dan/atau
  - (b) Kad-i atau mana-mana bahagiannya akan dibatalkan, sejurusnya Kad-i tersebut akan dibatalkan; dan/atau
  - (c) semua atau mana-mana Had Kemudahan, caj keuntungan dan apa jua amaun yang terhutang di bawah Kad-i (sama ada semasa, masa depan, sebenar atau kontingen) hendaklah dengan serta-merta dibayar, dan dengan itu amaun tersebut hendaklah dibayar, jika sebarang peristiwa atau siri peristiwa sama ada berkaitan atau tidak termasuk

tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan ganas, keganasan, permusuhan atau peperangan, darurat negara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau bencana lain (sama ada berlaku di dalam atau di luar Malaysia atau mana-mana tempat di mana BSN menjalankan perniagaan) atau sebarang perubahan keadaan yang berlaku di mana pada pendapat pihak BSN (pendapat tersebut adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad):-

- (i) boleh atau mungkin mengakibatkan keadaan menjadi tidak sesuai atau tidak praktikal untuk pihak BSN membuat, membenarkan atau membiayai kemudahan Kad-i atau terus berbuat demikian atau membenarkan sebarang penggunaan atau penggunaan lanjut kemudahan Kad-i atau mematuhi sebarang obligasi di bawah terma dan syarat dalam Perjanjian ini;
- (ii) boleh atau mungkin menjejaskan kebolehan atau kerelaan Ahli Kad untuk melaksanakan atau mematuhi mana-mana obligasinya di bawah terma dan syarat dalam Perjanjian ini atau menjadikannya sukar untuk Ahli Kad mematuhi atau rela untuk berbuat demikian.

#### **44. AKAUN DIGANTUNG**

44.1 Bagi tujuan membolehkan BSN memelihara secara utuh, liabiliti mana-mana pihak, termasuk Ahli Kad, sebaik sahaja writ saman atau saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrutan atau ketidakmampuan Ahli Kad atau atas sebab lain yang difikirkan sesuai oleh BSN, BSN boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa meletakkan dan/atau menyimpan pada bila-bila masa yang difikirkan wajar oleh BSN sebarang wang yang diterima, dituntut semula atau diperolehi menurut Perjanjian ini atau di bawah sebarang sandaran atau jaminan lain yang dikreditkan bagi Ahli Kad sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh BSN tanpa sebarang obligasi perantaraan bagi pihak BSN untuk mengguna pakai perkara tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya untuk menjelaskan jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada BSN.

#### **45. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)**

45.1 Untuk sebarang keperluan kaunseling kewangan, Ahli Kad adalah digalakkan untuk berjumpa dengan AKPK yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. AKPK boleh dihubungi di 03-26167766 atau pada laman sesawang di [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my) untuk maklumat lanjut mengenai kaunseling kewangan.

#### **46. PELANTIKAN EJEN-EJEN**

46.1 Dalam mengukuhkan dan tanpa menjejaskan hak BSN di bawah Perjanjian ini, BSN berhak apabila dianggap perlu, untuk melantik dan memberi kuasa kepada ejen pilihannya bagi pihaknya untuk mengutip semua dan mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada BSN oleh Ahli Kad di bawah Perjanjian ini. Pelantikan dan pemberian kuasa tersebut mesti dimaklumkan kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya tujuh (7) Hari Kalendar terlebih dahulu jika pengutipan jumlah yang perlu dibayar untuk akaun ini diserahkan kepada pihak ketiga agensi kutipan hutang.

46.2 BSN hendaklah memaklumkan kepada Ahli Kad kesan ke atas hak-hak dan obligasi Ahli Kad selepas Akaun Kad-i dipindahkan kepada pihak ketiga agensi kutipan hutang atau dijual kepada pihak ketiga. Dalam keadaan tertentu di mana Ahli Kad tidak dapat dihubungi, BSN dianggap telah memenuhi kewajipan itu jika notis itu telah dihantar ke alamat Ahli Kad yang terakhir diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) Hari Kalendar terlebih dahulu.

46.3 Perlu diingatkan bahawa BSN hendaklah memberi nama dan butiran pihak ketiga agensi kutipan hutang yang dilantik atau pihak ketiga kepada Ahli Kad, di mana BSN telah serahkan tanggungjawab kutipan semua dan sebarang sebarang jumlah wang yang perlu dibayar kepada BSN daripada Ahli Kad.

**47. PENGGANTI**

47.1 Perjanjian ini hendaklah mengikat waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik Ahli Kad dan pengganti hakmilik dan penerima serah hak BSN.

**48. PENYUSUNAN SEMULA BSN**

48.1 Obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti Ahli Kad akan terus sah dan mengikat untuk apa jua tujuan walau apa pun sebarang perubahan melalui penyatuan, penyusunan semula atau selainnya yang mungkin dibuat kepada susun atur BSN atau kepada mana-mana syarikat yang mana pada masa itu mungkin menjalankan perniagaan BSN.

**49. MASA MERUPAKAN INTIPATI**

49.1 Masa di mana jua disebutkan merupakan intipati di dalam Perjanjian ini.

**50. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN BIDANG KUASA**

50.1 Perjanjian ini akan dianggap sebagai kontrak di bawah undang-undang Malaysia dan akan untuk semua tujuan tertakluk kepada dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak dalam Perjanjian ini bersetuju untuk menyerah kepada bidangkuasa khusus Mahkamah Malaysia atau mahkamah lain yang mempunyai bidang kuasa kompeten yang lain seperti yang dipilih oleh pihak BSN dan seterusnya bersetuju bahawa penyampaian sebarang proses perundangan boleh dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan dalam Perjanjian ini. Ahli Kad mengetepikan sebarang bantahan atas alasan tempat atau forum yang tidak sesuai.

50.2 Perjanjian ini bertujuan untuk mematuhi Syariah secara keseluruhannya. Ahli Kad dan BSN bersetuju bahawa hak dan obligasi kedua-dua pihak adalah sentiasa tertakluk kepada dan selaras dengan prinsip dan peraturan Syariah (seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Jawatankuasa Syariah BSN). Ahli Kad dengan ini juga bersetuju bahawa Kad-i tersebut tidak boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak mematuhi transaksi yang berlandaskan Syariah. Walau bagaimanapun, jika Kad-i digunakan untuk urusan yang tidak termasuk dibawah kategori bukan Rakan Niaga Yang Dibenarkan, BSN dibenarkan untuk menunaikan urusan tersebut berdasarkan konsep Syariah '*Umum Balwa*' (keadaan meluas yang menjejaskan kebanyakan orang dan sukar untuk dielakkan).

50.3 Sekiranya Kad-i digunakan oleh Ahli Kad untuk membeli atau menggunakan barangan dan perkhidmatan yang tidak halal, ianya adalah tanggungjawab Ahli Kad itu sendiri dan pihak BSN tidak akan dipertanggungjawabkan. BSN juga berhak untuk menamatkan Kad-i dengan serta-merta tanpa sebarang notis atau liabiliti kepada Ahli Kad sekiranya Kad-i itu didapati digunakan untuk urusan yang tidak berlandaskan Syariah.

**51. PENGECUALIAN TANGGUNGAN**

51.1 Pihak BSN tidak bertanggung kepada Ahli Kad untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang perbelanjaan yang ditanggung, kehilangan kontrak atau keuntungan atau sebarang kerugian yang berkaitan, samada secara langsung atau tidak langsung) yang ditanggung dalam apa jua keadaan (kecuali ianya timbul dari dan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja secara langsung oleh pihak BSN) berkaitan dengan penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada gantirugi atau kerugian yang ditanggung berkaitan sebarang penyata, representasi, atau implikasi berkenaan atau timbul daripada sebarang ketidakpembaharuan atau pembatalan Kad-i atau sebarang pembatalan, penggantungan atau sekatan bagi penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad.

**52. AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002 (AIKP)**

52.1 Ahli Kad mengesahkan bahawa tiada di kalangan ahli keluarganya yang terdekat (iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau anak-anak) adalah kakitangan BSN dan beliau tidak melanggar Seksyen 28

AIKP. Ahli Kad berakujanji untuk segera memaklumkan kepada BSN jika perhubungan itu wujud dan bersetuju bahawa sekiranya perhubungan itu diwujudkan atau dizahirkan, BSN mempunyai hak untuk membatalkan Kad-i dan/atau kad-i tambahan (jika ada).

### **53. PERJANJIAN MENGGANTIKAN**

- 53.1 Semua persetujuan terdahulu berkenaan dengan perkara dalam Perjanjian ini, jika ada, yang dibuat antara BSN dan Ahli Kad, sama ada bertulis atau lisan, dengan ini dibatalkan dan digantikan oleh Perjanjian ini.
- 53.2 Jika adanya ketidakselarasan antara isi kandungan Perjanjian ini dalam versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, isi kandungan Perjanjian ini dalam versi Bahasa Inggeris akan terpakai dan diutamakan berbanding isi kandungan dalam versi Bahasa Melayu.

### **54. PENERBITAN PERJANJIAN INI PADA LAMAN SESAWANG BSN**

- 54.1 Salinan Perjanjian ini diterbitkan di Laman Sesawang BSN (atau laman sesawang lain di mana BSN boleh menukarnya dari semasa ke semasa dengan memberi notis kepada Ahli Kad). Sekiranya BSN mengubah atau meminda mana-mana syarat Perjanjian ini, versi yang dipinda dan dikemas kini akan disiarkan di Laman Sesawang BSN.

### **55. KLAUSA PRIVASI**

- 55.1 Ahli Kad dengan ini mengesahkan bahawa Ahli Kad telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Polisi Privasi BSN (yang boleh didapati Laman Sesawang BSN) dan klausa-klausa tertakluk dalam Perjanjian ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Ahli Kad. Bagi mengelakkan keraguan, Ahli Kad bersetuju bahawa Polisi Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terkandung di dalam Perjanjian ini secara rujukan.
- 55.2 Sekiranya Ahli Kad memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris dan tanggungan (di mana Ahli Kad adalah seorang individu) atau maklumat berhubung dengan pengarah, pemegang saham, penjamin individu dan pemberi jaminan (di mana Ahli Kad adalah sebuah perbadanan), untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun-akaun/kemudahan-kemudahan Ahli Kad dengan BSN atau sebaliknya melanggan Produk dan Perkhidmatan BSN, Ahli Kad:-
  - (a) mengesahkan bahawa Ahli Kad telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada BSN dan bagi digunakan oleh BSN menggunakannya mengikut Perjanjian ini;
  - (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
  - (c) bersetuju untuk memaklumkan kepada BSN secara bertulis sekiranya ada sebarang perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - (d) bersetuju akan hak BSN untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya persetujuan dari mana-mana pihak ketiga tersebut ditarik balik.
- 55.3 Di mana Ahli Kad mengarahkan BSN untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan tersebut (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tanggungjawab mereka (contohnya, pencegahan jenayah).
- 55.4 Dalam mengarahkan BSN dan/atau ejen-ejen BSN untuk memasuki sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju terhadap penzahiran seperti di atas. bagi pihak diri sendiri dan orang lain yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.
- 55.5 BSN boleh menggunakan agensi pelaporan/rujukan kredit untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila BSN perlu:-
  - (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kredit, berkaitan dengan kredit atau

- permohonan kemudahan lain;
  - (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit atau berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio-portfolio Ahli Kad; dan/atau
  - (c) mendapatkan semula hutang.
- 55.6 Ahli Kad akan dihubungkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang diguna atau telah digunakan oleh Ahli Kad, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. BSN juga boleh berkongsi maklumat tentang Ahli Kad dan bagaimana Ahli Kad menguruskan akaunnya dan/atau fasiliti dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit yang berkenaan.
- 55.7 Selepas Ahli Kad memberi maklumat Ahli Kad kepada BSN, Ahli Kad masih mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan itu, BSN berhak untuk tidak memberi atau memberhentikan penyediaan mana-mana Produk, Perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berhubung dengan maklumat tersebut.
- 55.8 BSN berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara BSN dan harus memberi notis kepada Ahli Kad menurut perjanjian ini.
- 55.9 Klausa ini adalah tanpa prejudis kepada klausa-klausa lain dalam Perjanjian ini yang berkaitan dengan penzahiran maklumat.

## **56. CUKAI**

- 56.1 Semua yuran dan caj yang dikenakan ke atas Kad Kredit-i BSN adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

Semua maklumat di dalam Terma dan Syarat ini adalah sah mulai Oktober 2025.

(v1.0 10/2025)